Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia

ماجوتن

Diterbitkan sejak 1932

MAJUTAN

EDISI JUL-DIS 2022 UNTUK KAKITANGAN JABATAN PERHUTANAN www.forestry.gov.my



PROGRAM PENANAMAN POKOK BERSAMA KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA TUANKU SULTAN KEDAH SEMPENA SAMBUTAN HARI HUTAN ANTARABANGSA PERINGKAT NEGERI KEDAH (17 JULAI 2022)



PROGRAM PENDAKIAN 121 PUNCAK (*FORESTRY 121 PEAKS*) SEMPENA SAMBUTAN ULANG TAHUN 121 JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA (16 OKTOBER 2022)



MAJLIS PERASMIAN SEMINAR EKSPEDISI SAINTIFIK BIODIVERSITI DIRAJA TAMAN NEGERI SELANGOR, BUKIT FRASER, SELANGOR (8 DISEMBER 2022)

SIDANG REDAKSI MAJUTAN 2022

PENASIHAT

YBhg. Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang

Ketua Pengarah Perhutanan
Semenanjung Malaysia

PENGERUSI

YBhg. Dato' Haji Zahari bin Ibrahim

Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan
Semenanjung Malaysia
(Dasar dan Perancangan)

KETUA PENGARANG

YBhg. Dato' Norhaidi bin Yunus

Timbalan Pengarah
Bahagian Perancangan dan Ekonomi Hutan

Jawatankuasa Majutan 2022

- En. Raffae bin Ahmad
- Pn. Kholizan binti Jamaludin
- Pn. Siti Aisah binti Dahlan
- En. Mohd Shafiq bin Abdul Latif @ Ismail
- En. Leonardo Kelly bin Maluni

Wakil Jawatankuasa Negeri

- Pn. Norfazilawati binti Jauhari (JPN Johor)
- En. Zawawi bin Abd Rahman (JPN Kelantan)
- Pn. Norliza binti Md (JPN Melaka)
- Pn. Sanja A/P Boong Kong (JPN Pulau Pinang)
- En. Syed Mohd Adzha bin Syed Khalid (JPN Selangor)
- Pn. Rafizah binti Minhat (JPN Negeri Sembilan)
- Pn. Fatin Afiqah binti Roslan (JPN Kedah)
- En. Muhammad Asyraf bin Zainul (JPN Perak)
- Pn. Fadhilah binti Mohamad (JPN Perlis)
- En. Mohd Zaki bin Md Nor (JPWP Kuala Lumpur)
- Pn. Siti Khatijah binti Othman (JPN Terengganu)
- En. Wan Zaizielawany binti Wan Muhammad Zin (JPN Pahang)



Kata alu-aluan ketua pengarang

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, syukur kehadrat Ilahi, dengan keizinan-Nya, e-buletin MAJUTAN Edisi Julai-Disember 2022 dapat disiapkan dan diterbitkan. Dikesempatan ini saya ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Ahli Sidang Redaksi yang telah diberi tanggungjawab serta menunjukkan komitmen sepanjang proses menyiapkan e-buletin ini. Ucapan penghargaan dan terima kasih juga diucapkan kepada semua warga JPSM yang turut membantu dalam menyumbangkan pengisian aktiviti sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Penerbitan e-buletin ini adalah penting sebagai salah satu platform bagi perkongsian aktiviti-aktiviti yang dijalankan di peringkat Ibu Pejabat JPSM, JPN, dan Persatuan di JPSM. Pada tahun ini, terdapat banyak aktiviti utama yang melibatkan JPSM. Antaranya adalah Majlis Perasmian Seminar Ekspedisi Saintifik Biodiversiti Diraja Taman Negeri Selangor Bukit Fraser, Program Penanaman Pokok Sempena Sambutan Hari Hutan Antarabangsa serta Kempen Penanaman Pokok 100 Juta 2020-2025 dan Program Pendakian 121 Puncak (*Forestry 121 Peaks*) Sempena Sambutan Ulang Tahun Ke-121 Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia.

Akhir kata sekali lagi, saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua pihak kerana telah berjaya melaksanakan aktiviti yang telah dirancang dengan jayanya selaras dengan visi serta misi jabatan untuk menjadi sebuah agensi yang terunggul sehingga ke peringkat antarabangsa.

Sekian, terima kasih.

Wakil Jawatankuasa Bahagian/Unit/Persatuan/Kelab

- Pn. Nor Izzati binti Othman (BPE)
- Pn. Nor Hidayu binti Abdul Razak (BUH)
- Pn. Nabilah Hamidah binti Sabar (BSB)
- En. Ts. Mohammad Ilman bin Mahamad Amir (BTK)
- En. Muhammad Hafni bin Ahmad Saraji (BLH)
- Pn. Sharifah Amira binti Salim (BLP)
- Pn. Siti Marwiyah binti Abu Bakar (BPK)
- En. Mohd Zulkhairi bin Zulkaflyn (BEP)
- Pn. Weldah binti Mulie (BKP)
- Pn. Maziah binti Kamaruzaman (UIP)
- En. Ramlee bin Ahmad (BPP)
- Pn. Jennifer anak Francis (BHA)
- Pn. Alisah binti Simin (UKKPA)
- Pn. Nor Wahidah binti Amran (BPM)
- Pn. Nurul Huda binti Jamaluddin (PUSPANITA)
- Cik Choong Huey Jin (PKSIP)
- En. Mohd Suruzee bin Yaakub (BKH)

Isi Kandungan

TAJUK	MUKA SURAT
PROGRAM PENANAMAN POKOK SEMPENA PROGRAM PENGHIJAUAN MALAYSIA: KEMPEN PENANAMAN 100 JUTA POKOK	01
PROGRAM PELANCARAN JOHOR BERSIH 100 HARI DAN SELAMAT PERINGKAT DAERAH MUAR, JOHOR	02
MAJLIS AKIKAH DAN QURBAN SEMPENA HARI RAYA AIDIL ADHA	03
PROGRAM IBADAH KORBAN IPJPSM	04
MAJLIS PRA PELANCARAN JOHOR BERSIH @ TAMAN EKO RIMBA	05
PERSAMPELAN *NEPHENTES* UNTUK PANGKALAN DATA DNA TUMBUHAN ASLI	06
PROGRAM PENANAMAN POKOK SEMPENA PROGRAM PENGHIJAUAN MALAYSIA: KEMPEN PENANAMAN 100 JUTA POKOK PERINGKAT NEGERI KEDAH	07
PENEBANGAN POKOK MENDATANGKAN BAHAYA DI IBU PEJABAT JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA	08
PERMATA HITAM TANAH GAMBUT	09
PROGRAM EKSPEDISI BP HEBAT	10
KELANTAN *FORESTRY INTERNATIONAL DOWNHILL CHALLENGE* 2022	11
BERKENALAN DENGAN HUTAN : *FUN TRAIL FOR GREENING* @ BUKIT KESING	12
KURSUS ASAS MALIM GUNUNG PERHUTANAN NEGERI MELAKA	13
KARNIVAL HARI GAJAH SEDUNIA 2022	14
HARI KELUARGA 2022 ERATKAN SILATURAHIM WARGA JABATAN PERHUTANAN NEGERI TERENGGANU	15
PROGRAM *RETREAT* MENGUKUHKAN KEFAHAMAN PENSIJILAN MC&I SFM JABATAN PERHUTANAN NEGERI TERENGGANU	16
MALAYSIA FEST 2022 @ SINGAPORE "JOM TEGHOJAH NISMILAN!!"	17
EKSPEDISI SAINTIFIK KEPELBAGAIAN BIOLOGI HUTAN SIMPAN PANTI, JOHOR	18
JPSM SERTAI PAMERAN TAMAN *GARDEN SHOWCASE* SEMPENA FESTIVAL BUNGA DAN TAMAN DIRAJA PUTRAJAYA	19
SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN KE-65 DI DATARAN MERDEKA	20
PROGRAM JOHOR *MERDEKA HIKE* DI GUNUNG-GUNUNG DALAM HUTAN SIMPAN KEKAL NEGERI JOHOR SEMPENA KEMERDEKAAN KE 65	21
PROGRAM PENANAMAN POKOK *PUSPANITA GO GREEN* @ TERKL SEMPENA PERSIDANGAN PENGARAH-PENGARAH PERHUTANAN NEGERI SEMENANJUNG MALAYSIA KE-42	22
SIMPOSIUM PERHUTANAN "*MANGROVE: FUTURE THREATS AND SOLUTIONS*" DI BAWAH PROJEK KAJIAN PENANAMAN POKOK BAKAU DAN SPESIES-SPESIES LAIN YANG SESUAI DI PESISIRAN PANTAI NEGARA	23
PROGRAM RAPATKAN SAF 2.0 PUSPANITA NEGERI JOHOR	24
PROGRAM PEMINDAHAN SPESIES MERAWAN UNGU YANG BERSAIZ BESAR	25
HIJAUKAN HUTAN GAMBUT BERSAMA ANAK-ANAK KELAINAN UPAYA (OKU) DAN PENDUDUK KAMPUNG	26
PENDAFTARAN PELATIH INSTITUT LATIHAN PERHUTANAN (FORTRAIN), BAHAGIAN LATIHAN PERHUTANAN	27
LAWATAN ILMIAH JABATAN PERHUTANAN NEGERI JOHOR KE NEGERI SABAH	28
KURSUS PENGUKUHAN INTEGRITI BAGI JABATAN PERHUTANAN NEGERI KEDAH	29
PROGRAM PENANAMAN POKOK SEMPENA PROGRAM PENGHIJAUAN MALAYSIA: KEMPEN PENANAMAN 100 JUTA POKOK PERINGKAT NEGERI SELANGOR	30

Isi Kandungan

TAJUK	MUKA SURAT
PROGRAM ARONG *MAN CHALLENGE* 2022 DI HUTAN TAMAN NEGERI GUNUNG ARONG	31
SAHUT CABARAN *MOUNT TEBU CLIMBATHON CHALLENGE* 2022 (MTCC 2022)	32
MAJLIS PENUTUP BAGI KURSUS ASAS MALIM GUNUNG PERHUTANAN JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA PERINGKAT NEGERI KEDAH	33
KURSUS IMEJ DAN KETERAMPILAN DIRI	34
KURSUS SUSULAN LATIHAN DAN OPERASI RONDAAN DAN PENGUATKUASAAN BERASASKAN SISTEM *SMART PATROL* DI BAWAH PROJEK *IMPROVING CONNECTIVITY IN THE CENTRAL FOREST SPINE LANDSCAPE* (IC-CFS) NEGERI JOHOR DAN PAHANG	35
MAJLIS SAMBUTAN MAULIDUR RASUL SAW PERINGKAT INSTITUT PENYELIDIKAN PERHUTANAN MALAYSIA (FRIM)	36
KURSUS ASAS PENGENALAN TEKNOLOGI BIJI BENIH, JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA	37
KUNJUNGAN HORMAT DELEGASI *EUROPEAN UNION* (EU) DI JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA	38
PROGRAM KEMBARA *MAJESTIC* JOHOR 2022	39
PROGRAM PENDAKIAN 121 PUNCAK *FORESTRY 121 PEAKS* SEMPENA SAMBUTAN ULANG TAHUN KE-121 JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA	40
PROGRAM PENDAKIAN 121 PUNCAK *FORESTRY 121 PEAKS* SEMPENA ULANG TAHUN KE-121 JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA PERINGKAT DAERAH JOHOR TENGAH	41
PROGRAM PENDAKIAN 121 PUNCAK *FORESTRY 121 PEAKS* SEMPENA ULANG TAHUN KE-121 JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA PERINGKAT DAERAH JOHOR TIMUR	42
PROGRAM PENDAKIAN 121 PUNCAK *FORESTRY 121 PEAKS* SEMPENA ULANG TAHUN KE-121 JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA PERINGKAT DAERAH JOHOR SELATAN	43
PROGRAM PENDAKIAN 121 PUNCAK *FORESTRY 121 PEAKS* SEMPENA ULANG TAHUN KE-121 JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA PERINGKAT NEGERI KEDAH	44
PROGRAM PENDAKIAN 121 PUNCAK *FORESTRY 121 PEAKS* SEMPENA ULANG TAHUN KE-121 JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA PERINGKAT NEGERI KELANTAN	45
PROGRAM PENDAKIAN 121 PUNCAK *FORESTRY 121 PEAKS* SEMPENA ULANG TAHUN KE-121 JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA PERINGKAT NEGERI TERENGGANU	46
MAJLIS MENANDATANGANI NOTA KERJASAMA ANTARA JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA BERSAMA JABATAN KIMIA MALAYSIA	47
LAWATAN KERJA PERHUTANAN SOSIAL JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA DI NEGERI SABAH	48
SERANGKAI DAN PASAR SENI	49
MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN IBU PEJABAT JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA BILANGAN 9 TAHUN 2022 DAN MAJLIS PENGANUGERAHAN SIJIL KURSUS PERHUTANAN PENGAWAS HUTAN SESI 2021-2022 INSTITUT LATIHAN PERHUTANAN (FORTRAIN)	50
PESTA BOLA NGOCA 2022 DI NEGERI SEMBILAN	51
PROGRAM LAWATAN AHLI LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN KE HUTAN TAMAN NEGERI AYER HITAM UTARA, MUAR	52
MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2021 DAN ASPRESASI PERSARAAN 2022 JABATAN PERHUTANAN NEGERI TERENGGANU	53
KURSUS FORENSIK PERHUTANAN ZON TIMUR	54
PROGRAM *TRAIL HUNT* SEMPENA MINGGU INOVASI PERINGKAT NEGERI SEMBILAN	55
PROGRAM CINTA TANI SEKOLAH MENENGAH TEKNIK ALOR SETAR DENGAN KERJASAMA JABATAN PERHUTANAN NEGERI KEDAH	56

Isi Kandungan

TAJUK	MUKA SURAT
BENGKEL *RETREAT* JABATAN PERHUTANAN NEGERI JOHOR	57
KEMPEN PENANAMAN 100 JUTA POKOK BERSAMA SYARIKAT TOTO MALAYSIA SDN. BHD. DI NEGERI SEMBILAN	58
PEOPLE & PLANET, ONE SMALL ACT TO HEAL THE PLANET DI NEGERI SEMBILAN	59
MAJLIS SULAMAN KASIH JUNJUNGAN BUDI SEMPENA PERSARAAN DAN MAJLIS APRESIASI KAKITANGAN JABATAN PERHUTANAN NEGERI KEDAH	60
MAJLIS PERASMIAN SEMINAR EKSPEDISI SAINTIFIK BIODIVERSITI DI RAJA TAMAN NEGERI SELANGOR BUKIT FRASER, SELANGOR	61
CENVIRO MANGROVE TREE PLANTING PROGRAMMED DI NEGERI SEMBILAN	62
BENGKEL PEMANTAPAN MALIM GUNUNG PERHUTANAN JOHOR (MGP) DAN PENYEDIAAN SOP BERKAITAN	63
PROGRAM PERASMIAN SISTEM AMARAN AWAL KEPALA AIR (SAAKA) DI NEGERI JOHOR	64

BULETIN MAJUTAN

2022

JULAI-DISEMBER

JABATAN PERHUTANAN
SEMENANJUNG MALAYSIA

ROGRAM PENANAMAN POKOK SEMPENA PROGRAM PENGHIJAUAN MALAYSIA: KEMPEN PENANAMAN 100 JUTA POKOK

Disediakan oleh: Fatin Afiqah binti Roslan
Jabatan Perhutanan Negeri Kedah

LANGKAWI, 1 JULAI 2022

Program penanaman pokok sempena Program Penghijauan Malaysia: Kempen Penanaman 100 Juta Pokok oleh YB Dato' Seri Takiyuddin bin Hassan, Menteri Tenaga dan Sumber Asli telah diadakan di ELS Club, Teluk Datai, Langkawi. Sebanyak tiga (3) batang pokok yang telah ditanam iaitu pokok Merbau (*Instia palembanica*), pokok Sentol (*Sandoricum koetjape*) dan pokok Tampoi (*Baccaurea macrocarpa*). Penanaman bagi ketiga-tiga pokok tersebut turut disempurnakan oleh YBhg. Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia dan YBhg. Dato' Haji Rosli bin Isa, Ketua Setiausaha Tenaga dan Sumber Asli.

Sebanyak 200 tanda nama pokok telah dipasang pada batang pokok di sekitar kawasan padang golf di ELS Club, Teluk Datai, Langkawi. Usaha ini sedikit sebanyak dapat memupuk semangat untuk memastikan kelestarian hutan. Justeru itu, pemasangan tanda nama pokok ini secara tidak langsung dapat memberi pendedahan kepada masyarakat mengenai pengetahuan mengenai spesies pokok.



Penanaman pokok yang telah disempurnakan oleh YB Dato' Seri Takiyuddin bin Hassan, Menteri Tenaga dan Sumber Asli bersama YBhg. Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia

PROGRAM PELANCARAN JOHOR BERSIH 100 HARI DAN SELAMAT PERINGKAT DAERAH MUAR, JOHOR

Disediakan oleh: Haridyn bin Hanti
Jabatan Perhutanan Negeri Johor

JOHOR, 2 JULAI 2022

Program Pelancaran Johor Bersih 100 Hari dan Selamat Peringkat Daerah Muar telah dirasmikan oleh Encik Ir. Ts. Mohamad Fazli bin Mohamad Salleh, Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur Negeri Johor pada 2 Julai 2022.

Objektif program ini adalah untuk menjadikan Negeri Johor sebuah negeri yang bersih di Malaysia dan memupuk semangat menjaga kebersihan dalam diri setiap bangsa Johor khususnya. Selain itu, daerah Muar telah dijadikan sebagai daerah contoh selepas menerima Anugerah Bandar Pelancongan Terbersih *Association of Southeast Asian Nations* (ASEAN) dari tahun 2018-2020 dan 2022-2024.

Selain itu, pelbagai aktiviti yang dijalankan sempena Program Pelancaran Johor Bersih 100 Hari dan Selamat Daerah Muar antaranya adalah aktiviti menyemai benih bakau, mengecat *road kerb*, *plogging*, baling *mudball* di dalam longkang, penyulaman pokok pagaran dan pembersihan kawasan paya bakau. Turut hadir memberikan ucapan aluan dan taklimat Program Johor Bersih 100 Hari dan Selamat Peringkat Daerah Muar adalah YBhg. Dato' Haji Mustaffa Kamal bin Dato' Haji Shamsudin. Selain itu, terdapat juga penglibatan dari Ahli-ahli Berhormat Dewan Negeri, ketua-ketua jabatan, penghulu-penghulu mukim, ketua-ketua kampung dan komuniti sekitar yang menggambarkan semangat agensi dan komuniti perkasa daerah Muar sejahtera.



Ucapan Perasmian Majlis Pelancaran Johor Bersih 100 Hari dan Selamat



Gambar bersama pihak jabatan dan warga komuniti yang terlibat dalam menjayakan program


Aktiviti mencampak *mudball* ke dalam longkang bagi menjadikan air bersih


Aktivtiti menyulam pokok pagaran di sekitar daerah Muar


Aktiviti menabung benih bakau minyak ke dalam tabung

MAJLIS AKIKAH DAN QURBAN SEMPENA HARI RAYA AIDIL ADHA

Disediakan oleh: Fahmi Reza bin Muhamad Fuad
Jabatan Perhutanan Negeri Johor

YONG PENG, 11 DAN 12 JULAI 2022

Satu Majlis Akikah dan Qurban Jabatan Perhutanan Negeri Johor Sempena Hari Raya Aidil Adha 1442H telah diadakan pada 11 dan 12 Julai 2022. Majlis telah diadakan bertempat di Pejabat Renj Yong Peng.

Turut hadir YBhg. Dato' Haji Salim bin Aman, Pengarah Perhutanan Negeri Johor, Encik Abd Ramlizauyahhudin bin Mahli, Timbalan Pengarah Pembangunan Perhutanan Negeri Johor, Tuan Haji Zulfakar bin Ali, Timbalan Pengarah Operasi Perhutanan Negeri Johor, pegawai-pegawai kanan serta seluruh kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Johor.

Majlis akikah telah diadakan pada 11 Julai 2022 bersempena pengurniaan cahaya mata baru Timbalan Pengarah Pembangunan Perhutanan Negeri Johor, bertempat di Surau Kampung Temehel. Sebanyak tiga ekor kambing telah disembelih dan seterusnya aktiviti melapah daging dan agihan daging korban dijalankan.

Majlis Qurban telah diadakan pada 12 Julai 2022 yang bertempat di Surau Kampung Temehel. Sebanyak sembilan ekor lembu telah disembelih dan seterusnya aktiviti melapah dan pengagihan daging telah dilakukan. Majlis telah diakhiri dengan aktiviti gotong-royong pembersihan sekitar Kawasan Surau Kampung Temehel dan Pejabat Renj Yong Peng.



Ucapan YBhg. Dato' Salim bin Aman,
Pengarah Perhutanan Negeri Johor


Sesi timbang dan bungkus daging qurban


Sesi pengagihan daging qurban kepada komuniti setempat dan kakitangan jabatan

PROGRAM IBADAH KORBAN IPJPSM

Disediakan oleh: Abdul Halim bin Sanui
Biro Kerohanian PKSIP

TRONG PERAK, 12 JULAI 2022

Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (IPJPSM) telah menyertai Program Ibadah Korban bagi tahun 2022M/1443H di bawah seliaan bersama oleh Persatuan Kebajikan dan Sukan IPJPSM (PKSIP) serta Surau Al-Fatih IPJPSM yang telah diadakan di perkarangan Dewan Serbaguna Sungai Kerang, Mukim Kampung Sungai Tinggi Trong, Perak bersempena Program Mesra Rakyat Keluarga Malaysia (Zon Tengah) yang dianjurkan oleh Kementerian Tenaga Dan Sumber Asli (KeTSA).

Program ibadah korban tersebut turut dimeriahkan lagi dengan kehadiran YB Menteri KeTSA, Ketua Setiusaha KeTSA, Pengurusan Tertinggi Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, pegawai dari KeTSA, para pegawai dari pelbagai jabatan di bawah KeTSA, pegawai dan kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Perak serta penduduk kampung sekitar Sungai Kerang, Mukim Kampung Sungai Tinggi Trong, Perak. IPJPSM telah menyumbang seekor lembu bersempena Program Ibadah Korban tersebut.



Sebahagian kakitangan JPSM dan kakitangan KeTSA yang turut sama dalam Program Ibadah Qurban IPJPSM



Aktiviti melapah daging lembu oleh Pengurusan Tertinggi Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dan YB Menteri KeTSA

MAJLIS PRA PELANCARAN JOHOR BERSIH @ TAMAN EKO-RIMBA

Disediakan oleh: Haridyn bin Hanti
Jabatan Perhutanan Negeri Johor

LABIS JOHOR, 16 JULAI 2022

Majlis Pra Pelancaran JOHOR BERSIH @ TAMAN EKO RIMBA dan Majlis Pelepasan Ikan telah dirasmikan oleh YB Raven Kumar a/l Krishnasamy EXCO Pelancongan, Alam Sekitar, Warisan dan Budaya Negeri Johor pada 16 Julai 2022. Majlis tersebut telah diadakan di Taman Eko Rimba (TER) Sungai Bantang ini turut dihadiri oleh YB Dato' Zahari bin Sarip, EXCO Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar, Tuan Haji Hasrin Kamal bin Hashim, Pegawai Daerah Segamat, YBhg. Dato' Salim bin Aman, Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Johor, Tuan Haji Zainudin bin Abd Wahab, Pengarah Perikanan Negeri Johor dan YB Tan Chong, ADUN Bekok.

Tujuan PROGRAM JOHOR BERSIH @ TER adalah selaras dengan Program Johor Bersih yang dilancarkan di Negeri Johor dan Jabatan Perhutanan Negeri Johor menyambut baik inisiatif program ini bagi memastikan kawasan-kawasan ekopelancongan dibawah seliaan jabatan terjamin kebersihan untuk keselesaan pengunjung.

Bagi melestarikan ekosistem kawasan air terjun ini, Jabatan Perikanan turut melepaskan benih ikan kelah, ikan tengas dan ikan lampam sebanyak 13,000 ekor keseluruhannya. Melalui program ini juga telah diedarkan plastik bag sampah kepada pengunjung Taman Eko Rimba (TER) bagi aktiviti gotong-royong di kawasan sekitar.

Pada majlis ini juga telah diadakan program penanaman pokok sempena Program Penghijauan Malaysia. Sebanyak 100 pokok telah ditanam secara sukarela oleh pengunjung-pengunjung yang datang ke Sungai Bantang. Pokok Johor telah ditanam EXCO Pelancongan, Alam Sekitar, Warisan dan Budaya Negeri Johor dan EXCO Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar manakala pokok Karas ditanam oleh ADUN Bekok dan pokok Kandis oleh Pegawai Daerah Segamat.



Pemberian plastik sampah Johor Bersih untuk program di TER Sungai Bantang



Pelepasan benih Ikan Air tawar sumbangan dari Jabatan Perikanan Negeri Johor



Majlis Penanaman pokok sempena Program Penghijauan Malaysia Penanaman 100 Juta Pokok

PERSAMPELAN *NEPHENTES* UNTUK PANGKALAN DATA DNA TUMBUHAN ASLI

Disediakan oleh: Siti Marwiyah binti Abu Bakar
Bahagian Penguatkuasaan Hutan

PULAU PINANG, 17 JULAI 2022

Lawatan kerja pengambilan sampel untuk pembangunan pangkalan data *deoxyribonucleic acid* (DNA) Khazanah Hutan Negara telah diadakan di Hutan Simpan Bukit Kerajaan, Pulau Pinang pada 17 Julai 2022 yang lalu. Aktiviti persampelan ini telah diketuai oleh Pegawai Sains Pakar Bidang Khusus (SME) DNA Tumbuhan, Dr. Sharizah binti Alimat dari Jabatan Kimia Malaysia.

Lawatan kerja ini dihadiri oleh Dr. Nagulendran a/l Kangayatkarasu, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (TKSU KeSTI) dan diiringi oleh Ketua Pengarah Kimia Malaysia, YBhg. Dato' Haji Mohamed Zaini bin Abdul Rahman. Turut sama turun padang untuk membuat persampelan spesies *Nephentes* yang terdapat di Hutan Simpan Bukit Kerajaan, Pulau Pinang adalah YBhg. Dato' Mohd. Rahim bin Rani, Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan (Operasi Dan Teknikal), Tuan Haji Mohd Rahim bin Ramli, Pengarah Bahagian Penguatkuasaan Hutan, Tuan Muhammad Ezhar bin Yusuf, Pengarah Perhutanan Negeri Pulau Pinang dan delegasi dari Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dan Jabatan Kimia Malaysia.

Tujuan lawatan kerja ini adalah untuk memberi pendedahan tentang bagaimana cara persampelan ini dilakukan di lapangan dipelihara sebelum analisis dijalankan. Pegawai SME DNA Tumbuhan KIMIA Malaysia telah membuat persampelan ke atas spesies *nephentes* (periuk kera) untuk tujuan analisis bagi kerja-kerja pembangunan pangkalan data DNA tumbuhan bukan kayu ini kerana Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia telah dilantik sebagai *Management Authority* (MA) iaitu Pihak Berkuasa Pengurusan bagi pengeluaran tumbuhan asli di bawah Konvensyen Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesies Fauna dan Flora Liar yang Terancam Pupus (CITES-*Convention on International Trade in Endagered Spesies of Wild Fauna and Flora*).



Pengarah Jabatan KIMIA Malaysia membuat persampelan *Nephentes* di HSK Bukit Kerajaan, Pulau Pinang



Dif-dif jemputan dan delegasi Jabatan KIMIA Malaysia membuat persampelan *Nephentes* di Hutan Simpan Bukit Kerajaan, Pulau Pinang

PROGRAM PENANAMAN POKOK SEMPENA PROGRAM PENGHIJAUAN MALAYSIA: KEMPEN PENANAMAN 100 JUTA POKOK PERINGKAT NEGERI KEDAH

Disediakan oleh: Fatin Afiqah binti Roslan
Jabatan Perhutanan Negeri Kedah

JITRA, 17 JULAI 2022

Kebawah Duli Yang Maha Mulia (KDYMM) Al-Aminul Karim Sultan Sallehuddin Ibni Almarhum Sultan Badlishah, Sultan Negeri Kedah Darul Aman telah mencemar duli bagi menyempurnakan Majlis Perasmian Sambutan Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Negeri Kedah Darul Aman Tahun 2022 di Tasik Darul Aman, Daerah Jitra.



Dif-dif kehormat bagi Program Penanaman Pokok bersama KDYMM Tuanku Sultan Kedah

Keberangkatan Tuanku Sultan turut diiringi oleh Menteri Besar Kedah, Yang Amat Berhormat (YAB) Dato' Seri Haji Muhammad Sanusi bin Md Nor. Untuk makluman, Hari Hutan Antarabangsa disambut pada 21 Mac setiap tahun bertujuan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan hutan serta pemeliharaan dan pemuliharaannya. Bertemakan "HUTAN UNTUK KESEJAHTERAAN MASYARAKAT", KDYMM Sultan Kedah telah mencemar duli menanam pokok Merbau atau nama saintifiknya *Instia palembanica*. Pokok Merbau dipilih menjadi Pokok Kebangsaan Malaysia adalah sebagai lambang keutuhan integriti hutan negara, hasil daripada pengurusan secara mampan serta usaha pemuliharaan khazanah biodiversiti Malaysia.



KDYMM Tuanku Sultan Kedah telah mencemar duli menanam pokok Merbau

YAB Menteri Besar Kedah memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri Kedah sangat komited dalam menambahkan jumlah keluasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) di Negeri Kedah yang mana kawasan-kawasan tanah kerajaan yang berhutan akan digazetkan sebagai kawasan berhutan. Pada 14 April 2022, Kerajaan Negeri Kedah telah berjaya mewartakan sebanyak 2,294.38 hektar tanah kerajaan untuk dijadikan sebagai HSK.

Negeri Kedah telah mensasarkan sebanyak 2,750,000 pokok akan ditanam bagi tempoh lima tahun bermula dari tahun 2021 hingga 2025 di mana dijangkakan penanaman pokok setahun bagi Negeri Kedah adalah 550,000 pokok. Pada tahun 2021, penanaman pokok diseluruh Negeri Kedah telah melebihi sasaran yang ditetapkan iaitu sebanyak 623,468 pokok telah berjaya ditanam. Bagi tahun 2022, sebanyak 220,422 pokok telah berjaya ditanam di Negeri Kedah sehingga 30 Jun 2022. Jumlah keseluruhan tanaman pokok Negeri Kedah dari tahun 2021 hingga Jun 2022 adalah berjumlah 843,890 pokok. Semoga program-program penanaman pokok dipergiatkan lagi untuk memastikan kelestarian hutan terjamin.



Persembahan cendera kenangan daripada Jabatan Perhutanan Negeri Kedah kepada KDYMM Tuanku Sultan Kedah merupakan ukiran Ayat Kursi yang diperbuat daripada kayu chengal

PENEBANGAN POKOK MENDATANGKAN BAHAYA DI PEJABAT JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

Disediakan oleh: Zulazfar Husaini bin Abdullah Sani
Bahagian Teknikal & Industri Kayu

KUALA LUMPUR, 17 JULAI 2022

Seksyen Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Seksyen KKP), Bahagian Teknikal & Industri Kayu (BTK) telah menerima aduan berkenaan terdapat pokok bahaya di dalam premis Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (IPJPSM).

Pokok bahaya yang dimaksudkan adalah pokok spesies Ubah-ubah (*Phyllanthaceae*) setinggi 15.2 meter dan pokok Kelat Jambu Laut (*Myrtaceae*) setinggi 25.2 meter yang telah disarankan untuk ditebang setelah penilaian risiko bahaya oleh Bahagian *Forest Eco-Park* & Hutan Taman Negeri (BEP).

Semakan oleh pihak PLPT mendapati kerja-kerja penebangan tersebut perlu menggunakan *skylift* kerana pokok tersebut telah mati dan tidak sesuai dipanjat menggunakan tali.

Justeru itu, IPJPSM telah memohon bantuan dari pihak Majlis Perbandaran Selayang (MPS) bagi penggunaan *skylift* dan tong roro digunakan bagi mengangkut kerja-kerja pemotongan pokok serta pembersihan sisa pokok tersebut.

Kerja-kerja tersebut telah diselesaikan oleh petugas seramai 19 orang terdiri dari wakil MPS, Bahagian Latihan Perhutanan (PLPT), Bahagian Teknikal & Industri Kayu (BTK), Bahagian Ladang Hutan & Perlindungan Hutan (BLH) dan Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP). Semoga dengan terlaksana aktiviti penebangan pokok bahaya di IPJPSM, keselamatan warga IPJPSM sentiasa terjamin.



Skylift digunakan untuk memotong pokok mati yang tinggi



Pokok mati dipotong untuk memudahkan kerja pembersihan



Sisa-sisa kayu yang dipotong dimasukkan ke dalam tong roro MPS

PERMATA HITAM TANAH GAMBUT

Disediakan oleh: Nor Hidayu binti Abd Razak
Bahagian Pengurusan Hutan

KUALA LUMPUR, 18-21 JULAI 2022

Tanah gambut merupakan salah satu ekosistem semula jadi yang paling penting di dunia. Ia mempunyai nilai tersendiri bagi pemeliharaan kepelbagaian biologi, kawalan aturan iklim dan sokongan untuk kesejahteraan manusia. Hutan paya gambut juga menjadi sumber ekonomi kepada penduduk setempat. Petikan artikel BERNAMA bertarikh 17 Jun 2021, "Malaysia Berpotensi Kehilangan Hutan Paya Gambut" menyatakan bahawa keluasan hutan paya gambut telah mengecil sejak 30 tahun berdasarkan statistik yang direkodkan oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia.

Usaha memelihara dan mengurus hutan paya gambut bukan sahaja mendapat perhatian daripada pihak kerajaan malahan di peringkat antarabangsa. Ini terbukti dengan perjanjian-perjanjian antarabangsa dengan penglibatan negara Malaysia sebagai salah satu ahlinya. Malaysia sangat bertuah kerana dipilih untuk melaksanakan program dibawah *Global Environment Facility* (GEF-6). Pelaksanaan program GEF-6 ini melalui projek *Sustainable Management of Peatland Ecosystem in Malaysia* (SMPEM) yang dibiayai sepenuhnya oleh *International Fund for Agricultural Development* (IFAD) selama tempoh empat tahun dengan pasukan SMPEM yang dilantik menguruskannya.

Merealisasikan pelaksanaan projek ini pasukan SMPEM dengan kerjasama semua negeri pelaksana telah bersama-sama berkampung di Hotel Pulse Grande, Putrajaya pada 18 hingga 21 Julai 2022 di *Inception Workshop* SMPEM bagi mengenali dan merancang pelaksanaan projek ini. Bengkel ini turut disertai pegawai teknikal, pegawai kewangan dan pegawai perolehan IFAD bagi membantu pasukan SMPEM. Mengekalkan suatu kawasan dan memeliharanya memerlukan sokongan semua pihak dalam menjayakannya. Penglibatan komuniti setempat juga memainkan peranan penting dalam kita memeliharanya. Harapan jabatan ini agar keluasan hutan paya gambut dapat dikekalkan dan permata hitam ini terus memainkan peranan penting dalam mengimbangi ekosistem di Malaysia.



Gambar kenangan peserta *Inception Workshop*



Petikan artikel BERBAMA bertarikh 17.06.2021

PROGRAM EKSPEDISI BP HEBAT

Disediakan oleh: Razis bin Osman
Jabatan Perhutanan Negeri Johor

BATU PAHAT, 28 JULAI 2022

Program Ekspedisi BP Hebat telah dijalankan atas kerjasama Pejabat Hutan Daerah Johor Tengah, Kluang dan Majlis Perbandaran Batu Pahat (MPBP). Program ini melibatkan kakitangan MPBP, Pejabat Hutan Daerah Johor Tengah, Malim Gunung Perhutanan Johor dan agensi-agensi lain. Pelancaran program ini diadakan pada 28 Julai 2022 bertempat di Gunung Banang yang dirasmikan oleh Tuan Haji Nasri bin Md Ali, Pegawai Daerah Batu Pahat. Seramai 80 orang perserta berkesempatan menyertai pendakian sempena pelancaran program ini di Gunung Banang. Gunung Banang adalah salah satu lokasi dari tujuh kawasan pendakian yang lain iaitu Bukit Soga, Bukit Inas, Bukit Payong, Bukit Segenting, Bukit Bindu dan Gunung Maokil.



Gambar kenangan Tuan Haji Nasri bin Md Ali bersama Pegawai Hutan Daerah Kluang dan peserta pendakian



Gambar kenangan bersama dif-dif jemputan dan peserta pendakian sebelum pelepasan pendakian

KELANTAN FORESTRY INTERNATIONAL DOWNHILL CHALLENGE 2022

Disediakan oleh: Mohd Saifful Rizal bin Jusoh
Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan

MACHANG, 30 DAN 31 JULAI 2022

Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan dengan kerjasama Kelab Basikal Skodayass telah menganjurkan *Kelantan Forestry International Downhill Challenge* 2022 yang bertempat di *Tok Bok Downhill Trail*, Hutan Simpan Kekal Chabang Tongkat, Machang, Kelantan. Program ini berlangsung 30 dan 31 Julai 2022 yang mana sebanyak sembilan kategori yang dipertandingkan iaitu *Men's Master A*, *Men's Master B*, *Men's Master C*, *Men's Master D*, *Men's Open*, *Women's Open*, *Boy,s Junior*, *Men's Hardtail (Open)* dan *Men's Elite*. Seramai 250 orang peserta yang telah mengambil bahagian dalam semua kategori yang dipertandingkan. Majlis penyampaian hadiah kepada pemenang di sempurnakan oleh YB Ustaz Wan Roslan bin Wan Hamat.



Gambar kenangan bersama dif-dif terhormat semasa Kelantan *Forestry International Downhill Challenge*



Ucapan aluan dan kata-kata semangat kepada para peserta oleh Timbalan Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan



Aktiviti berbasikal yang dijalankan di dalam *Kelantan Forestry International Downhill Challenge*

BERKENALAN DENGAN HUTAN:
FUN TRAIL FOR GREENING @ BUKIT KESING

Disediakan oleh: Siti Khatijah binti Othman
Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu

SETIU, 4 OGOS 2022

"Saya rasa takut sebab kali pertama saya *trekking* dalam hutan tapi rasa seronok sebab ini merupakan pengalaman pertama saya menjalankan aktiviti di dalam hutan dan saya juga rasa bangga kerana berjaya *trekking* dari awal hingga akhir", kata Puan Syarifah Romiwati binti T.A. Rahman yang merupakan salah seorang peserta *Fun Trail For Greening @ Bukit Kesing* yang telah diadakan di Hutan Simpan Bukit Kesing pada 4 Ogos 2022. Puan Syarifah merupakan kakitangan di Unit Pentadbiran dan Kewangan, Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu (JPNT) yang tidak pernah terdedah dengan aktiviti lapangan di hutan.

Seramai 24 orang pegawai dan kakitangan Unit Pentadbiran dan Kewangan, JPNT termasuk Puan Fardiana binti Hashim, Timbalan Pengarah (Pentadbiran dan Kewangan) telah menyertai program ini. Puan Fardiana berkata, "Selain pengalaman baharu bagi kami di Unit Pentadbiran dan Kewangan, sekurang-kurangnya kami juga dapat melihat gambaran sebenar pegawai-pegawai dan kakitangan jabatan perhutanan mengharungi kerja-kerja yang penuh mencabar di lapangan terutamanya di dalam hutan".

Pengarah Perhutanan Negeri Terengganu merancang penganjuran program ini bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada pegawai dan kakitangan Unit Pentadbiran dan Kewangan yang tidak pernah terlibat secara langsung dengan kerja-kerja di lapangan terutamanya dalam Hutan Simpanan Kekal.

"Dengan pendedahan sebenar di lapangan kepada pihak pentadbiran JPNT, diharapkan pihak pentadbiran lebih memahami dan mendalami masalah-masalah yang sering kali dihadapi oleh kakitangan perhutanan semasa bertugas di hutan terutamanya berkaitan penyelenggaraan kenderaan yang kerap", kata Tuan Haji Roslan bin Rani, Pengarah Perhutanan Negeri Terengganu ketika ditemui semasa program tersebut.

Program ini telah disusun secara santai dan sesuai untuk mereka yang baharu ingin mengenali hutan yang diselaraskan oleh Unit Silvikultur dan Perlindungan Hutan. "Aktiviti yang dirangka merangkumi *trekking* di dalam hutan berbukit sejauh lebih 600 meter, mengharungi sungai, *orienteering*, menanam pokok, *survivor in forest*, memasak menggunakan kayu api dan demonstrasi perolehan biji benih. Semua aktiviti ini telah berjaya dilaksanakan oleh semua peserta terlibat. Syabas diucapkan kepada semua peserta" ulas Encik Mohd Hadre bin Mohd, Penolong Pengarah Silvikultur dan Perlindungan Hutan, selaku urus setia program.

Program tamat pada jam 2.30 petang selepas menjamu selera dengan masakan yang telah dimasak oleh para peserta semasa aktiviti iktiar hidup dalam hutan. Semua peserta berpuas hati dengan progam ini dan berharap agar diberi peluang untuk terlibat lagi dalam program seumpama ini pada masa akan datang.



Aktiviti merentas hutan dan menyusuri sungai



Pengenalan berkaitan alatan memanjat bagi perolehan biji benih



Peserta bergambar untuk kenangan bersama JPNT selepas selesai program

KURSUS ASAS MALIM GUNUNG PERHUTANAN NEGERI MELAKA TAHUN 2022

Disediakan oleh: Norliza binti Md
Jabatan Perhutanan Negeri Melaka

AYER KEROH, 5-9 OGOS 2022

Bermula pada 5 hingga 9 Ogos 2022, Kursus Asas Malim Gunung Perhutanan Peringkat Negeri Melaka telah diadakan bertempat di Hotel Kobemas, Ayer Keroh, Melaka. Kursus ini merupakan kerjasama antara Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (BOMBA) bertujuan bagi membangunkan Model Pengurusan Kawasan Pendakian di kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK).

Kursus ini merupakan usaha Jabatan Perhutanan Negeri Melaka untuk mendaftarkan setiap ahli Malim Gunung Perhutanan yang terdiri daripada penduduk tempatan secara sah mengikut prosedur yang telah ditetapkan oleh JPSM. Selain itu, membangunkan Model Pengurusan Kawasan Pendakian di kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK), kursus ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada para peserta mengenai ilmu malim gunung bagi mengurangkan risiko kemalangan semasa aktiviti pendakian dijalankan. Seramai 57 peserta telah berjaya diiktirafkan sebagai Malim Gunung Perhutanan di Negeri Melaka. Selain daripada kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Melaka (JPNM) dan Bomba Negeri Melaka, orang awam juga turut mengambil bahagian di dalam kursus ini antaranya daripada agensi pelancongan yang melibatkan *Nature Guide*.

Turut menghadiri majlis penutup Kursus Asas Malim Gunung Perhutanan adalah YBhg. Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang, Ketua Pengarah Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Encik Khirun Nizam bin Abdul Rahim, Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Melaka dan YS PPjB Abu Bakar bin Katain, Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Melaka.



Kursus Asas Malim Gunung Perhutanan Negeri Melaka
berkaitan dengan amali asas teknik menyelamat aras tinggi



Peserta bergambar untuk kenangan selepas melakukan
amali asas teknik menyelamat aras tinggi dan usungan

KARNIVAL HARI GAJAH SEDUNIA 2022

Disediakan oleh: Shazrul Azwan bin Johar
Jabatan Perhutanan Negeri Johor

KOTA TINGGI, 13 OGOS 2022

Jabatan Perhutanan Negeri Johor telah dijemput untuk menyertai pameran sempena Karnival Hari Gajah Sedunia 2022 di Felda Lok Heng Barat, Kota Tinggi. Pameran Jabatan Perhutanan Negeri Johor bertemakan Kepentingan Koridor Ekologi dalam usaha mengatasi Konflik Manusia-Hidupan Liar yang dilihat kerap berlaku di kawasan Koridor Ekologi J-PL2: Hutan Simpan Panti-Hutan Simpan Ulu Sedili serta J-PL3: Hutan Simpan Panti-Hutan Simpan Seluyut.

Selaras dengan objektif karnival untuk meningkatkan kesedaran tentang Projek *Achieving Coexistence with Elephants* (ACE) dan menggalakkan kerjasama bersama komuniti yang tinggal berhampiran habitat gajah, karnival ini turut disertai oleh *Management & Ecology of Malaysian Elephants* (MEME), Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN), *Wildlife Conservation Society* (WCS), FGV Holding Berhads, Layar Liar dan RIMBA.Pengarah Perhutanan Negeri Johor, YBhg. Dato' Haji Salim bin Aman turut menyatakan hasrat beliau untuk menjalinkan kolaborasi menerusi aktiviti-aktiviti berkaitan penyelidikan dan konservasi bersama pihak MEME yang diwakili oleh Dr. Wong Ee Phin pada masa hadapan.

Jabatan Perhutanan Negeri Johor melalui pameran ini turut berkongsi maklumat berkaitan penubuhan *Central Forest Spine* (CFS), Projek *Improving Connectivity in the Central Forest Spine Landscape* (IC-CFS), *Panti Conservation Area* (PCA), Taman-Taman Eko-Rimba di bawah seliaan Jabatan Perhutanan Negeri Johor serta Kempen Penanaman 100 Juta Pokok. Ucapan setinggi-tinggi terima kasih atas jemputan ini dan juga kepada semua pihak urus setia Jabatan Perhutanan Negeri Johor yang telah membantu menjayakan pameran ini.



Pengarah Jabatan Perhutanan Johor bersama Dr. Wong Ee Phin dari MEME di hadapan Pameran Jabatan Perhutanan Negeri Johor



Barisan urus setia Jabatan Perhutanan Negeri Johor yang turut hadir ke Sambutan Hari Gajah 2022

HARI KELUARGA 2022 ERATKAN SILATURAHIM WARGA JABATAN PERHUTANAN NEGERI TERENGGANU (JPNT)

Disediakan oleh: Siti Khatijah binti Othman
Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu

KUALA NERUS, 13 OGOS 2022

Sambutan Hari Keluarga Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu (JPNT) Tahun 2022 telah dilaksanakan dengan jayanya bertempat di Pantai Telaga Batin, Kuala Nerus dalam suasana dirian pokok Ru Pantai yang merimbun dimeriahkan lagi dengan kehadiran yang sangat menggalakkan dengan kehadiran seramai 650 peserta termasuk keluarga pegawai kanan dan kakitangan jabatan. Kehadiran keluarga dari jauh dan dekat membuktikan komitmen padu dalam menyokong aktiviti yang dianjurkan oleh Jabatan yang terdiri dari keluarga di Ibu Pejabat JPNT, Pejabat Hutan Daerah Terengganu Selatan, Pejabat Hutan Daerah Terengganu Barat dan Pejabat Hutan Daerah Terengganu Utara.

Sebagai rekod, kali terakhir Hari Keluarga JPNT telah diadakan pada tahun 2016 di Taman Eko Rimba Sekayu dengan pelbagai aktiviti sukaneka. Bagi memeriahkan lagi Sambutan Hari Keluarga JPNT Tahun 2022, terdapat 23 aktiviti sukaneka yang telah disusun mengikut kategori. Selain daripada itu, pelbagai hadiah Cabutan Bertuah telah disediakan bagi meraikan semua yang hadir. "Sambutan Hari Keluarga adalah satu acara yang amat digalakkan supaya dapat mengeratkan hubungan silaturrahim dan kemesraan melalui pelbagai aktiviti yang diaturkan. Pertemuan sebegini amat berbeza dibandingkan dengan suasana formal di pejabat" kata YBrs. Tuan Haji Roslan bin Rani, Pengarah Perhutanan Negeri Terengganu dalam ucapan Perasmian Hari Keluarga JPNT Tahun 2022.

Bersempena bulan kemerdekaan, Sambutan Hari Keluarga JPNT Tahun 2022 dimulakan dengan Perasmian dan Pelancaran Hari Kebangsaan yang Ke-65 dengan penyerahan Jalur Gemilang kepada semua Pegawai Hutan Daerah dan Ketua Unit di JPNT. Kemudian diteruskan dengan aktiviti sukaneka, diikuti penyampaian hadiah kepada semua pemenang sukaneka dan sambutan diakhiri dengan Hadiah Utama Cabutan Bertuah yang merupakan basikal *Mountain Bike*.

"Syukur Alhamdulillah, memang tidak sangka saya memenangi Hadiah Utama Cabutan Bertuah pada kali ini. Terima kasih kepada semua", kata Encik Mohamad Syahrul Irwan bin Shafie, penerima Hadiah Utama Cabutan Bertuah Sambutan Hari Keluarga JPNT Tahun 2022. Semoga Sambutan Hari Keluarga JPNT dapat dijadikan acara tahunan jabatan dan disambut dengan lebih meriah dengan pelbagai aktiviti menarik sekaligus dapat mengeratkan silaturahim warga JPNT.



Gambar kenangan bersama ahli keluarga Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu

PROGRAM *RETREAT* MENGUKUHKAN KEFAHAMAN PENSIJILAN MC&I SFM JABATAN PERHUTANAN NEGERI TERENGGANU

Disediakan oleh: Siti Khatijah binti Othman
Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu

KUALA BERANG, 21 – 25 OGOS 2022

Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu (JPNT) telah mengambil inisiatif mengadakan Program *Retreat* Mengukuhkan Kefahaman Pensijilan *Malaysian Criteria and Indicator for Sustainable Forest Management (*MC&I SFM) bagi Penolong Pemelihara Hutan dan Pengawas Hutan Tertinggi JPNT yang telah diadakan selama lima hari bermula 21 hingga 25 Ogos 2022 di Taman Eko Rimba Sekayu, Kuala Berang. Program ini melibatkan semua Penolong Pemelihara Hutan dan Pengawas Hutan Tertinggi JPNT.

"Ilmu-ilmu kerja lapangan terutamanya berkaitan sempadan kawasan kerja, penandaan pokok dan inventori hutan sebelum tebangan (Pre-F) sebenarnya memerlukan kesinambungan daripada renjer-renjer hutan yang lama. Tetapi semua telah berpencen dan keseluruhan telah digantikan dengan Penolong Pemelihara Hutan yang baharu dan mereka tiada tempat rujukan selain Pegawai Hutan Daerah", kata Encik Salleh bin Endot yang merupakan pesara Renjer Hutan Kanan selaku fasilitator Program *RETREAT* Mengukuhkan Kefahaman Pensijilan (MC&I SFM) Penolong Pemelihara Hutan dan Pengawas Hutan Tertinggi JPNT pada kali ini.

"Program seumpama ini akan diadakan secara berterusan agar semua Penolong Pemelihara Hutan dan Pengawas Hutan Tertinggi JPNT dapat menghayati dan mendalami segala ilmu yang berkaitan dengan kerja-kerja di lapangan sekaligus dapat melaksanakan tanggungjawab yang telah diamanahkan dengan lebih yakin", kata Encik Abu Bakar bin Rafaee, Pegawai Hutan Daerah Terengganu Selatan selaku Ketua Fasilitator semasa menyampaikan taklimat kepada peserta *RETREAT*.

"Sebelum ini saya tidak terlibat secara langsung dengan kerja-kerja lapangan terutamanya berkaitan sempadan, tanda pokok dan inventori Pre-F kerana ditugaskan di Unit Silvikultur dan Perlindungan Hutan. Oleh itu, dengan adanya program *RETREAT* seumpama ini dapat menambahkan ilmu pengetahuan dan memberikan pendedahan kepada saya dalam melaksanakan tugas di jabatan", kata Puan Norliza binti Mamat, Penolong Pemelihara Hutan. Oleh itu, program ini bertepatan dengan objektif utama untuk mengukuhkan kefahaman peserta berkaitan Pensijilan (MC&I SFM) dan akan dilaksanakan secara berterusan supaya ilmu yang diperoleh akan terus bercambah.



Peserta sedang membuat pemeriksaan sempadan kawasan



Peserta diberikan tunjuk ajar oleh urus setia mengenai pengukuran sempadan



Gambar kenangan peserta dan urus setia bagi Program *RETREAT*

MALAYSIA FEST 2022 @ SINGAPORE
"JOM TEGHOJAH NISMILAN!!"

Disediakan oleh: Siti Norhayati binti Mohamad Mastar
Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan

SINGAPURA, 24 – 28 Ogos 2022

Kerajaan Negeri Sembilan melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) telah menyertai *Malaysia Fest 2022 @ Singapore* selama empat hari bertempat di Expo Hall, Changi Singapura bermula pada 24 hingga 28 Ogos 2022.

Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan bersama Lembaga Pelancongan Negeri Sembilan dengan berbekalkan tema Jom Teghojah Nismilan! telah dipilih sebagai salah satu jabatan di bawah Kerajaan Negeri untuk menyertai program tersebut bagi tujuan mempromosikan produk ekopelancongan, adat dan budaya di Negeri Sembilan. Antara produk yang diketengahkan adalah Angsi *Forest Challenge* 2022, Port Dickson Forest Sungai Menyala, Taman Negeri Kenaboi, Taman Eko Rimba Batu Maloi serta lokasi-lokasi pendakian di Negeri Sembilan.

Sepanjang empat hari di Singapura, Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan telah diberi peluang untuk mempromosikan produk di pentas utama pada 27 Ogos 2022 kepada warga Singapura yang hadir ke expo tersebut. Turut hadir bersama bagi menyokong adalah YB Dato' Dr. Razali bin Ab Malik, Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan, YB Dato' Muhamad Nahar bin Hj Mohd Sidek, Pengarah UPEN Negeri Sembilan serta YB Dato' Dr. Mohamad Rafie bin Ab. Malek, Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pelaburan, Perindustrian, Keusahawanan, Pendidikan dan Modal Insan serta Tuan Haji Saleh bin Awaludin, Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan.

Pelbagai cadangan dan pandangan positif telah diterima semasa acara tersebut berlangsung. Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan merakamkan setinggi penghargaan kepada Kerajaan Negeri Sembilan, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) serta semua warga Singapura yang banyak memberi kerjasama sepanjang program berlangsung. Semoga usaha ini dapat membawa masuk lebih ramai pelancong luar negara untuk berkunjung ke Negeri Sembilan sekaligus memberi manfaat kepada hasil negeri dalam sektor ekopelancongan.



Penerangan Jom Teghojah Nismilan! di Expo Hall, Changi Singapura



Warga Singapura mendengar penerangan promosi oleh pihak jabatan



Gambar kenangan urus setia di Malaysia Fest 2022 @ Singapore

EKSPEDISI SAINTIFIK KEPELBAGAIAN BIOLOGI HUTAN SIMPAN PANTI, JOHOR

Disediakan oleh: Zaiton binti Abdullah @ Mahmad
Jabatan Perhutanan Negeri Johor

KOTA TINGGI, 25 OGOS 2022

Jabatan Perhutanan Negeri Johor dan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dengan kerjasama bersama Universiti Tun Hussien Onn (UTHM) telah menganjurkan Ekspedisi Saintifik Kepelbagaian Biologi Hutan di Hutan Simpan Panti, Daerah Kota Tinggi, Johor pada 21 hingga 25 Ogos 2022. Penganjuran ekspedisi ini adalah melibatkan pelbagai bidang yang merentas sempadan (*cross sectoral*) seperti aspek fizikal ekosistem hutan, kepelbagaian biologi flora dan fauna, ekopelancongan, ekologi, rekreasi, geologi, arkeologi dan sosio-ekonomi yang bertujuan untuk mengumpul maklumat kepelbagaian biologi daripada kawasan-kawasan hutan semulajadi negara, khususnya kawasan hutan yang berstatus Hutan Simpanan Kekal.

Ekspedisi ini telah disertai seramai 134 orang peserta yang terdiri daripada sembilan Institusi Pengajian Tinggi Awam iaitu Universiti Tun Hussien Onn (UTHM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Universiti Malaya (UM) dan Universiti Sains Malaysia (USM). Dua Institut Pengajian Tinggi Swasta iaitu *University of Nottingham* Malaysia dan Kolej University Agrosains Malaysia (UCAM), satu institusi penyelidikan swasta iaitu *Australian Laboratory Services* (ALS) *Technichem* (M) Sdn. Bhd, tiga agensi kerajaan iaitu Jabatan Perhilitan, Jabatan Kimia Malaysia dan Jabatan Mineral dan Geosains (JMG), dua institusi penyelidikan iaitu *Forest Research Institute* Malaysia (FRIM) dan *The Malaysian Agricultural Research and Development Institute* (MARDI), tiga NGO iaitu *Malaysian Nature Society* (MNS), *Nature Educational Society* (NEST) dan *Ecoexplorers Malaysia*.

Data-data yang diperolehi dari ekspedisi akan membantu para penyelidik dan pengkaji serta pembuat dasar khususnya Kerajaan Negeri, di dalam mengurus, membangun dan memelihara sumber-sumber khazanah alam semula jadi yang berada di dalam kawasan Hutan Simpan Panti.



Majlis *Flag Off* Ekspedisi Saintifik Kepelbagaian Biologi Hutan Simpan Panti, Kota Tinggi Johor



YBhg. Dato' Haji Salim bin Aman, Pengarah Perhutanan Johor turut menyertai pasukan ekspedisi bagi kajian *nepenthes* dan orkid

SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN KE-65
DI DATARAN MERDEKA

Disediakan oleh: Liong Kang Hui
Bahagian Latihan Perhutanan, Institut Latihan Perhutanan (FORTRAIN)

KUALA LUMPUR, 31 OGOS 2022

Seramai 21 orang kakitangan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) dan Pelatih Institut Latihan Perhutanan (FORTRAIN) turut serta mewakili kontinjen perbarisan dari Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) dalam perarakan perbarisan sempena Sambutan Hari Kebangsaan Ke-65 Tahun 2022 yang telah diadakan di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur.

Sambutan tahun ini disambut dengan gilang-gemilang selepas dua tahun negara menghadapi pandemik Covid-19. Bahagian Latihan Perhutanan mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pelatih Kursus Sijil Perhutanan Renjer Hutan (KSPRH) sesi 2021-2023 yang terlibat secara langsung dalam menjayakan perarakan perbarisan sempena Sambutan Hari Kebangsaan ke-65 Tahun 2022 ini.



Kakitangan JPSM dan pelatih KSPRH yang terlibat dalam perarakan perbarisan kemerdekaan diberi penerangan oleh pegawai KeTSA



Sesi raptai di perkarangan Dataran Merdeka



Pelatih KSPRH yang terlibat dalam perarakan perbarisan sempena Sambutan Hari Kebangsaan ke-65 Tahun 2022

PROGRAM JOHOR *MERDEKA HIKE* DI GUNUNG-GUNUNG DALAM HUTAN SIMPAN KEKAL NEGERI JOHOR SEMPENA KEMERDEKAAN KE 65

Disediakan oleh: Asfaezzah binti Ab Karim
Jabatan Perhutanan Negeri Johor

KLUANG, 31 OGOS 2022

Johor *Merdeka Hike* (JMH 2022) di gunung-gunung dalam Hutan Simpan Kekal Negeri Johor sempena kemerdekaan ke-65 telah diadakan 31 Ogos 2022. Majlis Perasmian bagi gimik pelepasan (*Flag Off*) peserta telah disempurnakan oleh Encik Abd. Ramlizauyahhudin bin Mahli, Timbalan Pengarah Perhutanan Negeri Johor di Taman Eko Rimba Gunung Belumut, Kluang pada jam 8.00 pagi. Penganjuran Program JMH 2022 di gunung-gunung dalam Hutan Simpan Kekal Negeri Johor Sempena Kemerdekaan Ke-65 telah dianjurkan oleh Kelab Sukan Ekstrem *Isrec Adventure* dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Negeri Johor.

Program pendakian yang berlangsung selama sehari ini telah diadakan serentak di 10 kawasan pendakian puncak gunung dalam Hutan Simpanan Kekal Negeri Johor iaitu Gunung Belumut, Gunung Arong, Gunung Muntahak melalui Tengkil, Gunung Panti Barat, Gunung Trans Panti, Trans Lambak, Trans Bukit Payong, Gunung Banang, Gunung Maokil dan Gunung Pulai. Encik Yusuf Hasni bin Haji Motalib, Presiden Kelab Sukan *Ekstrem Isrec Adventure* memaklumkan sejumlah seramai 572 orang peserta yang mendaftar dan menyertai program pendakian ini.

Sempena menyambut Hari Kemerdekaan ke-65, para peserta pendakian pada kali ini diminta untuk merakamkan detik-detik indah dengan merekod video dan mengambil gambar bersama Jalur Gemilang dan akan menyertai pertandingan bagi video terbaik dengan perlu mendapat "*like*" terbanyak di dalam laman sesawang *facebook* pengajur. Seterusnya, pihak jabatan akan memilih video yang terbaik untuk dikongsikan di laman sesawang *facebook* jabatan sebagai tanda sokongan anjuran program pendakian Johor *Merdeka Hike* ini di samping menarik lebih ramai lagi peserta dari pelbagai kaum untuk turut serta di dalam program pendakian pada masa akan datang.

Di dalam ucapan ringkas pelepasan program ini, Encik Abd. Ramlizayauhhudin bin Mahli memaklumkan pihak jabatan sangat menyokong bagi mana-mana penganjur yang ingin mengadakan program bersama jabatan ini bagi tujuan mempromosikan ekopelancongan di dalam Hutan Simpan Kekal Negeri Johor di samping dapat menarik minat orang awam serta dapat membangunkan sumber komersial Negeri Johor. Pada tahun ini sebanyak dua trek akan dinaiktaraf iaitu Trek Pendakian Pelepah Kiri melalui Bukit Sisek dan Trek Pendakian Gunung Bekok di mana ia merupakan salah satu langkah jabatan ini dalam menyokong aktiviti pendakian di Negeri Johor sekaligus dapat menaikkan nama Negeri Johor sebagai tiga tangga teratas Destinasi Pelancong Utama Malaysia Menjelang 2027.

Turut hadir sama pada sebelah petang pada Majlis Johor *Merdeka Hike* iaitu YBhg. Dato' Haji Salim bin Aman, Pengarah Perhutanan Negeri Johor bagi menyambut peserta yang telah tamat pendakian. Pihak Jabatan mengucapkan syabas dan tahniah kepada penganjur dan peserta di samping pujian kepada penyertaan Malim Gunung Perhutanan Negeri Johor di dalam menjayakan program pendakian ini di mana Malim Gunung Perhutanan telah dilatih dan diberikan kursus dalam mengawal dan menjaga keselamatan peserta ketika aktiviti pendakian. Program pendakian ini berjalan dengan lancar bagi 10 puncak pendakian dan selesai sepenuhnya pada jam 7.00 petang serta tiada kecederaan serius oleh peserta ketika program berlangsung.



Gambar urus setia Program Johor *Merdeka Hike* 2022



Gambar kenangan para peserta dan urus setia di Negeri Johor di Taman Eko Rimba Gunung Belumut, Kluang

PROGRAM PENANAMAN POKOK "*PUSPANITA GO GREEN* @ TERKL" SEMPENA PERSIDANGAN PENGARAH-PENGARAH PERHUTANAN NEGERI SEMENANJUNG MALAYSIA KE-42

Disediakan Oleh: Nurul Huda binti Jamaluddin
PUSPANITA JPSM

KUALA LUMPUR, 5 SEPTEMBER 2022

Bahagian Ladang Hutan dan Perlindungan Hutan, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) bersama-sama PUSPANITA JPSM dan Jabatan Perhutanan Wilayah Persekutuan telah menganjurkan Program Penanaman Pokok *PUSPANITA Go Green* @ Taman Eco-Rimba (TER) Kuala Lumpur sempena Persidangan Pengarah-pengarah Perhutanan Negeri Semenanjung Malaysia Ke-42 Tahun 2022.

Tujuan program ini dilaksanakan adalah untuk memupuk semangat kebersamaan dalam memelihara dan memulihara alam sekitar di samping menyokong usaha menyemarakkan Program Penghijauan Malaysia: Kempen Penanaman 100 Juta Pokok anjuran Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) melalui JPSM. Program ini telah disertai oleh 40 orang peserta yang terdiri daripada ahli-ahli PUSPANITA JPSM.

Program penanaman pokok yang berkonsepkan *Communication*, *Education* and *Public Awareness* (CEPA) ini amat penting dalam memupuk dan memperkasakan kepentingan pemeliharaan biodiversiti negara. Pengerusi PUSPANITA JPSM, YBhg. Datin Indera Norhashimah binti Haji Shaari juga telah hadir ke program ini. Sebanyak 20 batang pokok yang terdiri daripada spesies pokok Merbau dan pokok Rambai Hutan telah ditanam sempena program ini. Selain itu, pelaksanaan program ini secara tidak langsung akan menjadi salah satu platform kepada pihak JPSM dalam mempromosikan Program Penghijauan Malaysia: Kempen Penanaman 100 Juta Pokok 2021-2025 kepada masyarakat.



Program Penanaman Pokok PUSPANITA Go Green @ TERKL telah dirasmikan oleh Pengerusi PUSPANITA JPSM, YBhg. Datin Indera Norhashimah binti Haji Shaari



Para peserta Program Penanaman Pokok *PUSPANITA Go Green* @ TERKL sempena Persidangan Pengarah-pengarah Perhutanan Negeri Semenanjung Malaysia Ke-42 Tahun 2022

SIMPOSIUM PERHUTANAN "*MANGROVE: FUTURE THREATS AND SOLUTIONS*" DI BAWAH PROJEK KAJIAN PENANAMAN POKOK BAKAU DAN SPESIES-SPESIES LAIN YANG SESUAI DI PESISIRAN PANTAI NEGARA

Disediakan Oleh: Nurul Shasheila binti Abdul Mutalib
Bahagian Ladang Hutan & Perlindungan Hutan

KUALA LUMPUR, 8 SEPTEMBER 2022

Seksyen Pemuliharaan Pesisiran Pantai, Bahagian Ladang Hutan Dan Perlindungan Hutan, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) telah melaksanakan Simposium Perhutanan yang bertajuk "*Mangrove: Future Threats and Solutions*" sempena Sambutan Hari Konservasi Ekosistem Hutan Paya Laut pada 8 September 2022 peringkat jabatan di Hotel Pulse Grande, Putrajaya. Simposium ini telah dirasmikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) iaitu YBhg. Dato' Haji Rosli bin Isa.

Pelaksanaan simposium ini diadakan secara hibrid. Seramai lebih kurang 110 orang peserta yang hadir secara fizikal, manakala seramai 240 orang hadir secara maya melalui aplikasi '*zoom*'. Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) juga turut melantik seramai tujuh orang panel yang terdiri daripada JPSM, *National Water Research Institute of* Malaysia (NAHRIM), Perbadanan Taman Negara Johor (PTNJ), F*ederal Department of Town and Country Planning* (Plan Malaysia), Jabatan Hutan Sarawak (JH Sarawak), Jabatan Perhutanan Sabah (JP Sabah) dan *Forest Research Institute* Malaysia (FRIM) yang mana kesemua wakil jabatan tersebut dijemput untuk membentangkan kertas kerja dan hasil penyelidikan yang melibatkan kepakaran dalam bidang masing-masing terutama berkaitan dengan persisiran pantai negara.

Pada sebelah petang, pelaksanaan simposium ini diisi dengan perbincangan untuk hala tuju serta penyelesaian isu dalam pelbagai sektor yang berkaitan. Sebanyak tujuh kumpulan ditubuhkan bagi membincangkan isu-isu yang berkaitan dengan biodiversiti, kajian, kerentanan kawasan pantai, pengurusan hutan, sosio ekonomi dan teknikal. Sesi pada sebelah petang, diketuai oleh Dr. A. Aldrie Amir daripada LESTARI-UKM selaku moderator.



YBhg. Dato' Indera KPPSM bersama peserta yang lain sedang mendengar pembentangan daripada salah seorang panel



Peserta-peserta yang hadir secara fizikal di Simponium Perhutanan



Barisan panel-panel terdiri daripada :
Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM)
National Water Research Institute of Malaysia(NAHRIM)
Perbadanan Taman Negara Johor (PTNJ)
Federal Department of Town and Country Planning (PLAN Malaysia)
Jabatan Hutan Sarawak (JH Sarawak)
Jabatan Perhutanan Sabah (JP Sabah) dan
Forest Research Institute Malaysia (FRIM)

PROGRAM RAPATKAN SAF 2.0 PUSPANITA NEGERI JOHOR

Disediakan oleh: Zul Husni bin Md Salleh
Jabatan Perhutanan Negeri Johor

MERSING, 10 SEPTEMBER 2022

Taman Eko Rimba (TER) Teluk Arong telah dipilih sebagai antara lokasi program PUSPANITA Negeri Johor. Antara aktiviti yang dijalankan di TER Teluk Arong adalah pelepasan anak penyu di Pantai Teluk Arong dan Program Penghijauan Malaysia Penanaman 100 Juta Pokok dengan penanaman pokok Ru Pantai sebanyak 110 anak pokok. Dalam program ini Yang Berhormat Tan Sri Dato' Dr. Azmi bin Rohani, Setiausaha Kerajaan Johor merangkap Penasihat PUSPANITA Negeri Johor dan Puan Sri Datin Dr. Hjh. Noor Azizah binti Abdul Latif, Pengerusi PUSPANITA Negeri Johor telah sudi menanam anak pokok Ru Pantai dan melawat gerai pameran Jabatan Perhutanan Negeri Johor.

Antara kenamaan lain yang hadir Yang Berhormat Dato' Haji Salehuddin bin Hassan, Pegawai Kewangan Negeri Johor dan isteri, Yang Berhormat Dato' Ashari bin Kasnan, Pengarah Tanah dan Galian Johor dan isteri, Tuan Haji Mohd Shakib bin Haji Ali, Pegawai Daerah Mersing dan isteri serta Pegawai-pegawai Daerah Negeri Johor dan isteri.

Program ini juga turut disertai Pegawai Hutan Daerah Johor Timur Mersing, Encik Mohd Saman bin Mohd Sanget selaku tuan rumah mewakili YBhg. Dato' Hj. Salim bin Aman, Pengarah Perhutanan Negeri Johor. Program ini melibatkan seramai 100 orang peserta yang terdiri dari kalangan ahli PUSPANITA Negeri Johor dan Cawangan Daerah Mersing serta pegawai dan kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Johor.



Yang Berhormat Tan Sri Dato' Dr. Azmi bin Rohani, Setiausaha Kerajaan Johor menanam anak pokok Rhu Pantai sempena Program Penghijauan Malaysia Penanaman 100 Juta Pokok



Puan Sri Datin Dr.Hjh.Noor Azizah binti Abdul Latif, Pengerusi PUSPANITA Negeri Johor menanam anak pokok Rhu sempena Program Penghijauan Malaysia Penanaman 100 Juta Pokok



Gambar kenangan ahli PUSPANITA Negeri Johor dan Cawangan Daerah Mersing serta pegawai dan kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Johor

SPESIES MERAWAN UNGU BERJAYA DIPINDAHKAN

Disediakan oleh: Mohd Nor Firdaus bin Rahim
Bahagian Silvikultur dan Pemeliharaan Biologi Hutan

TELUK BAHANG, 13-15 SEPTEMBER 2022

Bahagian Silvikultur dan Pemeliharaan Biologi Hutan (BSB), Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (IPJPSM) dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Pulau Pinang telah mengambil inisiatif mengadakan Kursus Penyediaan Stok Bahan Tanaman Pokok Besar Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia Bilangan Ke-2 bagi tahun 2022 pada 13 hingga 15 September 2022.

Encik Muhammad Ezhar bin Yusuf, Pengarah Perhutanan Pulau Pinang berkata, "Pelaksanaan penanaman pokok bagi pembangunan kawasan landskap, tanaman restorasi kawasan terosot dan pemuliharaan spesies hutan telah menjurus kepada penggunaan bahan tanaman pokok besar (*instant tree*) bagi mendapatkan kesan penanaman yang segera namun, ketersediaan stok bahan tanaman pokok besar masih terhad di tapak semaian Jabatan. Sehubungan itu, kursus sebegini merupakan satu usaha penting dalam penyediaan stok bahan tanaman pokok besar yang bersesuaian".



Sesi teori bagi mengenai pengenalan kursus yang disampaikan oleh Encik Mohd Nor Firdaus bin Rahim

Beliau berucap demikian kepada 15 orang peserta yang terdiri daripada kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang semasa merasmikan kursus tersebut yang diadakan di Taman Eko-Rimba Teluk Bahang, Pulau Pinang. Kursus ini bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran para peserta dalam asas penyediaan stok bahan tanaman pokok besar dalam memenuhi keperluan stok bahan tanaman di tapak semaian jabatan serta mempelbagaikan kemahiran dan menambah nilai dalam penyediaan stok bahan tanaman kepada para peserta. Selain itu, kursus ini juga bertujuan untuk memindahkan stok anak liar Merawan Ungu dari Petak *High Conservation Value* (HCVF) Taman Negara Pulau Pinang ke Tapak Semaian Jabatan.



Sesi demostrasi pemindahan stok tanaman pokok besar

Kursus selama tiga hari ini dijalankan menerusi kaedah pembelajaran secara teori dan praktikal di lapangan. Kursus dikendalikan sepenuhnya oleh Encik Mohd Nor Firdaus bin Rahim, Penolong Pengarah Kepelbagaian Biologi Hutan (Arboretum) bersama pasukan iaitu Encik Mohd Jamil bin Samsudin dan Encik Mohd Muntasir bin Mat Isa. Kursus dimulakan dengan demonstrasi pemindahan pokok besar spesies Meranti dari hutan yang berdekatan untuk ditanam di kawasan Pejabat Renjer di Taman Eko Rimba Teluk Bahang. Kursus ini telah berjaya mencapai objektif yang ditetapkan dan diharap akan diteruskan pada masa akan datang.



Pemilihan Anak pokok Merawan Ungu di Petak *High Conservsation Value* (HCV) Merawan Ungu



Amali penyediaan dan pemindahan pokok di lapangan

HIJAUKAN HUTAN GAMBUT BERSAMA ANAK-ANAK KELAINAN UPAYA (OKU) DAN PENDUDUK KAMPUNG

Disediakan oleh: Siti Khatijah binti Othman
Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu

MARANG, 18 SEPTEMBER 2022

Hutan merupakan salah satu khazanah alam yang sungguh menakjubkan dan kaya dengan sumber-sumber semulajadi dengan kepelbagaian biologi yang menjadi antara penyumbang terbesar dalam pembangunan sosio-ekonomi negara. Di samping itu, hutan turut menyumbangkan faedah-faedah lain yang tidak ternilai seperti pemeliharaan tanah-tanih, kestabilan iklim, pemeliharaan kepelbagaian biologi dan kewujudan kawasan-kawasan rekreasi serta menjadi punca atau sumber air bersih. Oleh itu, usaha-usaha melindungi dan memelihara khazanah hutan perlu diberikan keutamaan bagi memastikan peranannya kepada ekonomi dan sosial negara dapat dikekalkan dan dipertingkatkan.

Usaha berterusan demi menghijaukan hutan dizahirkan dengan penanaman pokok oleh Pegawai-Pegawai Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Penduduk Kampung Jambu Bongkok. "Program penanaman pokok pada kali ini amat istimewa dengan kehadiran 20 orang anak-anak kelainan upaya (OKU), dari Bengkel Pemulihan Marang dan Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Terengganu" kata Tuan Haji Roslan bin Rani, Pengarah Perhutanan Negeri Terengganu dalam ucapannya semasa merasmikan Program Kesedaran dan Pemeliharaan Hutan Paya Gambut bersama Komuniti Kampung Jambu Bongkok dan kawasan sekitar.

Selain daripada itu, penduduk Kampung Jambu Bongkok juga tidak melepaskan peluang untuk bersama-sama jabatan dalam merealisasikan Program Penghijauan Malaysia. Sebanyak 2,100 anak pokok dari tiga spesies iaitu Merawan Siput Jantan, Kelat Jambu dan Balau Pasir telah berjaya ditanam di Kompartmen 1, Hutan Simpan Jambu Bongkok.

Pengarah Perhutanan Negeri Terengganu dalam ucapannya juga berharap semoga kerjasama erat dengan penduduk Kampung Jambu Bongkok tidak terhenti di sini dan berharap penduduk kampung juga dapat menjaga Hutan Simpan Jambu Bongkok kerana berada berdekatan dengan komuniti mereka. Kerjasama antara agensi juga akan terus dipergiatkan untuk bersama-sama memulihara dan memelihara khazanah alam yang amat berharga ini.



Bergambar kenangan bersama-sama penduduk Kampung Jambu Bongkok


Aktiviti penanaman anak pokok peserta OKU dan penduduk Kampung Jambu Bongkok



Pengarah dan Pegawai-pegawai Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu bergambar kenangan bersama-sama anak kelainan upaya (OKU) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat selepas selesai program penanaman pokok

PENDAFTARAN PELATIH INSTITUT LATIHAN PERHUTANAN (FORTRAIN), BAHAGIAN LATIHAN PERHUTANAN

Disediakan oleh: Sharifah Amira binti Salim
Bahagian Latihan Perhutanan, Institut Latihan Perhutanan (FORTRAIN)

KEPONG, 19 SEPTEMBER 2022

Pada 19 September 2022, telah diadakan sesi kemasukan dan pendaftaran pelatih baru Kursus Sijil Perhutanan Pengawas Hutan (KSPPH) sesi 2022-2023 ke Institut Latihan Perhutanan (FORTRAIN), Bahagian Latihan Perhutanan.

Seramai 92 orang pelatih telah hadir melaporkan diri bagi menjalani Kursus Sijil Perhutanan Pengawas Hutan sesi 2022-2023. Semua pelatih yang melapor diri pada hari tersebut telah diberikan taklimat berkaitan peraturan-peraturan FORTRAIN serta berpeluang mendengar kata-kata aluan yang telah disampaikan oleh YBhg. Dato' Mohd Basri bin Abdul Manaf, Pengarah Bahagian Latihan Perhutanan.

Proses pelaksanaan kemasukan pelatih ke FORTRAIN telah dilaksanakan dengan baik dan selamat seiring dengan arahan semasa kerajaan bagi mengekang penularan wabak pandemik COVID-19. Bahagian Latihan Perhutanan mengucapkan selamat datang dan selamat menjalani kuliah kepada semua pelatih Kursus Sijil Perhutanan Pengawas Hutan (KSPPH) sesi 2022-2023, FORTRAIN.



Sesi pendaftaran dan penghantaran borang-borang butiran diri kepada pihak urus setia



Sesi pengukuran dan pemilihan saiz baju, topi dan kasut pelatih



Pengarah Bahagian Latihan Perhutanan memberikan kata-kata aluan kepada semua pelatih baru Kursus Sijil Perhutanan Pengawas Hutan (KSPPH) sesi 2022-2023



Taklimat dan penerangan berkenaan Kursus Sijil Perhutanan Pengawas Hutan (KSPPH) sesi 2022-2023

LAWATAN ILMIAH JABATAN PERHUTANAN NEGERI JOHOR KE NEGERI SABAH

Disediakan oleh: Shazrul Azwan bin Johari
Jabatan Perhutanan Negeri Johor

SABAH, 20-25 SEPTEMBER 2022

Satu lawatan ilmiah ke Negeri Sabah yang melibatkan seramai 22 orang yang terdiri daripada 21 orang pegawai dan kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Johor daripada pelbagai gred dan turut disertai oleh seorang wakil daripada Bahagian Perancangan Ekonomi Negeri Johor (BPENJ) iaitu Encik Gurpreet Singh Dhaliwal, Pegawai Kawalan Alam Sekitar Negeri Johor. Lawatan ini telah dilaksanakan pada 20 hingga 25 September 2022.

Lawatan ilmiah ke Negeri Sabah sebagai persediaan bagi menubuh dan menguruskan Hutan Simpan Panti, Kota Tinggi, Johor sebagai kawasan konservasi khas di bawah inisiatif *Panti Conservation Area* (PCA). Pemilihan *Danum Valley Conservation Area* (DVCA) sebagai lokasi lawatan ilmiah, dilihat setaraf dan mampu menjadi penanda aras bagi penubuhan, pembangunan dan pengurusan PCA. Selain itu, tujuan utama lawatan ini adalah untuk membuat observasi dan kajian tapak di lokasi lawatan yang dipilih untuk diaplikasikan ke dalam penyediaan kerangka konsep dan pelan skematik serta Pelan Induk Pembangunan (PCA), membuat observasi dan pengumpulan maklumat berkaitan dengan pengurusan hutan secara bersepadu yang berorientasikan konservasi kepelbagaian biologi dan mengintegrasikan ekopelancongan, melihat potensi DVCA Sabah untuk dijadikan sebagai penanda aras bagi pembangunan PCA, dan melawat kawasan-kawasan lain yang di bawah pengurusan Jabatan Perhutanan Sabah dan Kumpulan Yayasan Sabah yang ditubuhkan bagi tujuan konservasi alam semula jadi.

Sepanjang tempoh enam hari di negeri Sabah, para peserta lawatan telah melawati tujuh lokasi yang telah dipilih untuk mencapai tujuan dan objektif lawatan. Antara lokasi yang telah dilawati adalah kawasan konservasi Sungai Taliwas, *Borneo Rainforest Lodge*, *Danum Valley Conservation Area*, *Rainforest Discovery Centre*, *Sepilok Orangutan Rehabilitation Centre*, *T*aman Kinabalu dan Kota Kinabalu *Wetland Ramsar Site*.

Lawatan ilmiah ini dapat membantu memperluaskan pengetahuan dan kemahiran pengurusan dalam kalangan pegawai dan kakitangan Jabatan selaras dengan pepatah melayu yang mengatakan "Jauh Perjalanan Luas Pengetahuan". Justeru, lawatan ini diharapkan mampu memberikan impak yang besar kepada Jabatan Perhutanan Negeri Johor pada amnya dalam mencapai matlamat Pensijilan *Panti Conservation Area*.



Gambar kenangan di Pusat Konservasi Sungai Talivas



Gambar kenangan di *Danum Valley Conservation Area*

KURSUS PENGUKUHAN INTEGRITI BAGI JABATAN PERHUTANAN NEGERI KEDAH

Disediakan oleh: Abdul Halim bin Sanui
Jabatan Perhutanan Negeri Kedah

JENIANG, 20 SEPTEMBER 2022

Unit Integriti Perhutanan, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Negeri Kedah telah mengadakan Kursus Pengukuhan Integriti bagi Jabatan Perhutanan Negeri Kedah pada 20 September 2022 bertempat di Pusat Latihan Perhutanan Jeniang, Kedah. Kursus ini telah disertai seramai 75 orang kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Kedah dari pelbagai peringkat jawatan.

Objektif kursus ini adalah untuk mendidik penjawat awam tentang rasuah dan kesan buruknya terhadap pentadbiran sektor awam, swasta dan komuniti. Kursus ini telah dilaksanakan dalam bentuk penyampaian ceramah kepada peserta kursus. Kaedah perkongsian pengalaman daripada Tuan Hishammudin bin Mohammed Esa selaku Ketua Unit Integriti Perhutanan (KUIP) digunapakai untuk memberi kefahaman yang lebih jelas kepada peserta kursus. Sesi soal jawab dan ujian penilaian telah diadakan selepas penyampaian ceramah.



Ketua Unit Integriti Perhutanan sebagai penceramah jemputan

Pada akhir kursus ini, peserta dapat memahami maksud integriti dan penghayatannya. Peserta juga dapat memahami keseriusan masalah rasuah di Malaysia dan usaha antirasuah yang dilaksanakan.


Peserta kursus daripada kalangan kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Kedah

RAJA MUDA SELANGOR MERASMIKAN PROGRAM PENANAMAN POKOK PERINGKAT NEGERI SELANGOR DI HUTAN SIMPAN BUKIT BROGA

Disediakan oleh: Syed Mohd Adzha bin Syed Khalid
Jabatan Perhutanan Negeri Selangor

SEMENYIH, 24 SEPTEMBER 2022

"Rimba Disayangi, Rakyat Disantuni" begitulah perumpamaan yang ingin dipersembahkan dalam Program Penanaman Pokok sempena Sambutan Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Negeri Selangor bagi tahun 2022 di Hutan Simpan Bukit Broga, Semenyih. Ironinya, program ini telah mendapat perkenan Duli Yang Teramat Mulia, Tengku Amir Shah Ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah, Raja Muda Selangor untuk mencemar duli dan seterusnya menyempurnakan upacara perasmian.

Seramai lebih daripada 500 orang telah hadir pada program kali ini termasuklah YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Menteri Besar Selangor, YB Dato' Hj. Haris bin Kasim, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, YB Tuan Hee Loy Sian, EXCO Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Sains, Teknologi Dan Inovasi (STI) dan Hal Ehwal Pengguna, YBhg. Dato' Hj. Zahari bin Ibrahim, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar dan Perancangan), YBhg. Dato' Ahmad Fadzil bin Abdul Majid, Pengarah Perhutanan Negeri Selangor, barisan ketua-ketua jabatan di peringkat negeri dan daerah serta lain-lain agensi. Program ini telah dianjurkan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Selangor dengan kerjasama Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Selangor, Pejabat Tanah dan Daerah Hulu Langat dan Majlis Perbandaran Kajang. Penganjuran program kali ini turut menunjukkan komitmen kerajaan Negeri Selangor ke atas pelaksanaan Program Penghijauan Malaysia melalui Kempen Penanaman 100 Juta Pokok dengan menanam sejumlah 2,000 pokok oleh peserta dan tetamu yang hadir.



DYMM Tengku Amir Shah, Raja Muda Selangor berkenan menanam anak pokok Merbau sebagai simbolik perasmian

DYTM Raja Muda Selangor telah melancarkan Program Penanaman 26 Juta Pokok Negeri Selangor bagi tempoh tahun 2022 hingga 2026. Program penanaman 26 juta pokok ini adalah merupakan satu progam khas simbolik kepada tempoh pemerintahan DYMM Sultan Sharafuddin Idris Shah Al-Haj, Sultan Selangor selama 26 tahun. Baginda Sultan turut menitahkan supaya program penanaman pokok ini dilaksanakan oleh seluruh rakyat Negeri Selangor sebagai usaha memulihkan ekosistem selain mengurangkan pelepasan karbon dan menangani isu perubahan iklim. Program kali ini turut dijayakan dengan pelaksanaan aktiviti larian hutan iaitu Broga *Forest Eco Run* yang disertai oleh kira-kira seramai 250 orang awam. Aktiviti ini telah dianjurkan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Selangor dengan kerjasama *The Comrades*. Semua peserta telah berjaya melengkapkan larian dan menanam anak pokok di puncak Bukit Broga. Semoga program penanaman pokok ini dapat diteruskan dengan penglibatan aktif semua pihak pada masa akan datang.



Antara peserta Broga *Forest Eco Run*



Upacara majlis perasmian oleh DYMM Raja Muda Selangor

PROGRAM *ARONG MAN CHALLENGE* 2022 DI HUTAN TAMAN NEGERI GUNUNG ARONG

Disediakan oleh: Shazrul Azwan bin Johar
Jabatan Perhutanan Negeri Johor

MERSING, 01 OKTOBER 2022

Program yang julung kalinya diadakan ini merupakan anjuran *Isrec Adventure* dengan sokongan dan kerjasama Jabatan Perhutanan Negeri Johor dan Pejabat Daerah Mersing.

Program yang melibatkan acara larian dan pendakian sejauh 1.0 km bermula dari Suka Layar Resort and *Sailing Centre* melalui Kg. Tanjung Resang dan trek pendakian Gunung Arong (240 apl) di dalam Hutan Taman Negeri (HTN) Gunung Arong dan tamat di Taman Eko Rimba (TER) Teluk Arong. Program ini telah berjaya menarik minat seramai 200 orang peserta. Pelepasan *Flag Off* telah dibuat tepat jam 7.30 pagi oleh YBhg. Dato' Haji Salim bin Aman, Pengarah Perhutanan Negeri Johor. Semua peserta sampai ke garisan penamat pada jam 12.00 tengah hari dengan keseluruhan masa tamat larian 4 jam 30 minit.

Peserta bagi ketegori lelaki pertama tiba di garisan penamat dengan masa 53 minit iaitu Mohd Razman Jani bin Mohd Pitti (A007) dari Kuala Lumpur, diikuti peserta kedua iaitu Daniel Yap Chun Mun (A016) dengan masa 54 minit serta peserta ketiga Yusof bin Abdul Manan dengan masa 55 minit. Bagi kategori perempuan pula, peserta pertama yang tiba di garisan penamat iaitu Nurul Juliana Shakira binti Abdul Halim (B189) dari Puchong, Selangor tiba di garisan penamat pada pukul 8.36 pagi dengan masa 1 jam 6 minit, peserta kedua Norhani binti Mohd Jaffar (B183) dengan masa 1 jam 11 minit manakala peserta ketiga Chia Ren Lin dengan masa 1 jam 21 minit.

Acara penutup program dirasmikan oleh YBrs. Tuan Haji Mohammed Shakib bin Haji Ali, Pegawai Daerah Mersing dengan menyampaikan hadiah kepada pemenang beserta trofi dan hamper, terdapat juga cabutan bertuah sebanyak 20 buah terdiri daripada peralatan elektrik dan elektronik sumbangan daripada Pejabat Daerah Mersing telah diadakan pada sebelah petang semasa acara penutup program kepada peserta.

Program ini juga mencipta keunikan tersendiri di mana setiap peserta dikehendaki menanam pokok iaitu pokok Rhu atau nama saintifiknya *Casuarina spp*. selepas tamat larian. Sebanyak 200 pokok Rhu telah ditanam oleh peserta sebagai tanda sokongan ke atas usaha-usaha penghijauan kawasan serta menyumbang kepada Program Penghijauan Malaysia melalui Kempen Penanaman 100 Juta Pokok. Program ini menjadi acara tahunan Kalendar Jabatan Perhutanan Negeri Johor dan Daerah Mersing serta telah mendapat perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia (KDYMM) Sultan Johor.

Terima kasih kepada semua agensi yang telah membantu dalam memastikan program ini berjalan lancar seperti Pejabat Daerah Mersing, Pejabat Tanah Daerah Mersing, Pejabat Daerah Mersing, Pejabat Kadi Daerah, Polis DiRaja Malaysia, Bomba dan Penyelamat Daerah, Pejabat Kesihatan Daerah, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia, Jabatan Kerja Raya Daerah dan Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) serta Malim Gunung Perhutanan Johor.



Pengarah Perhutanan Negeri Johor bergambar bersama peserta larian sebelum *Flag Off*



Pengarah Perhutanan Negeri Johor dan Pegawai Daerah Mersing bergambar bersama pemenang-pemenang larian *Arong Man Challenge* Tahun 2022


Flag Off peserta *Arong Man Challenge* Tahun 2022

SAHUT CABARAN *MOUNT TEBU CLIMBATHON CHALLENGE* 2022 (MTCC 2022)

Disediakan oleh: Mohd Hanafi bin Hariffin
Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu

BESUT, 1 OKTOBER 2022

Cabaran Larian Pendakian Gunung Tebu 2022 (*Mount Tebu Climbathon Challenge* 2022-MTCC 2022) telah diadakan di Taman Eko-Rimba Lata Belatan, Besut, Terengganu. Seramai lebih 500 orang peserta telah mengambil bahagian di dalam acara pendakian ini. "Satu jumlah penyertaan yang luar biasa bagi penganjuran kali ini" ujar penganjur.

Acara yang berlangsung pada 1 Oktober 2022 (Sabtu) dibahagikan kepada dua kategori perlumbaan iaitu Kategori Utama dan *Fun Run*. Kategori Utama pula dibahagi kepada enam kategori iaitu Terbuka Lelaki dan Wanita, Veteran Lelaki dan Wanita serta Tertutup Lelaki dan Wanita.

Acara Terbuka Lelaki telah dimenangi oleh Ahmad Luth dengan catatan masa 2:10:09 manakala acara Terbuka Wanita pula dimenangi oleh Noor Amelia dengan catatan masa 2:40:47. Acara Veteran Lelaki pula dengan catatan masa 2:16:09 dimenangi oleh Faisal Said. Acara Tertutup Lelaki pula diungguli oleh Asmawi Mustafa dengan catatan masa 2:10:45 dan Acara Tertutup Wanita pula diungguli oleh Mastika Ayuni dengan catatan masa 3:02:24.

Selain daripada tumpuan utama kejuaraan pendakian, penganjuran dimeriahkan lagi dengan acara senamrobik, sukaneka dan acara sampingan lain. Kerjasama Kerajaan Negeri Terengganu, Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu, dan *Tourism Malaysia* serta dimeriahkan lagi oleh rakan penaja seperti SATU, 100 Plus, *Fit Malaysia* dan banyak lagi. "Kami berharap acara ini dapat diadakan lagi pada masa akan datang", kata Leodra a/p Kingsman salah seorang peserta MTCC 2022



Pelepasan Peserta MTCC 2022


Acara sampingan tarik tali kategori kanak-kanak



Barisan Urus setia MTCC 2022


Acara sampingan aktiviti mewarna kategori kanak-kanak

MAJLIS PENUTUP BAGI KURSUS ASAS MALIM GUNUNG PERHUTANAN JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA PERINGKAT NEGERI KEDAH SIRI 19 DAN 20 TAHUN 2022

Disediakan oleh: Fatin Afiqah binti Roslan
Jabatan Perhutanan Negeri Kedah

KULIM, 2-6 OKTOBER 2022

Kursus Asas Malim Gunung Perhutanan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia Peringkat Negeri Kedah Siri 19 dan 20 telah berlangsung mulai 2 hingga 6 Oktober 2022 di Sedim *Riverside Resort*. Kursus ini telah dijalankan serentak bersama peserta daripada Jabatan Perhutanan Negeri Kedah, Perlis dan Pulau Pinang seramai 120 orang iaitu Negeri Kedah seramai 54 orang, Negeri Perlis seramai 40 orang dan Negeri Pulau Pinang seramai 26 orang .


Sesi pendaftaran Malim Gunung Perhutanan Siri 19 & 20 di Sedim *Riverside Resort*

Melalui kursus ini, setiap peserta telah didedahkan dengan 11 modul iaitu Modul Peranan Malim Gunung Perhutanan dan Pemprograman, Asas Perundangan dan Penguatkuasaan, Interpretasi Komunikasi Berkesan dan Personaliti Malim Gunung Perhutanan, Asas Pembacaan Peta dan Navigasi Darat, Asas Penyelamatan di Arus Deras, Pengenalan Tali *Software* dan *Hardware*, Pengenalan Ikatan dan Simpulan Tali Menyelamat, Peralatan *Basic Life Support* dan Pemulihan *Cardiopulmonary* (CPR), Asas Menyelamat di Arus Tinggi dan Usungan, Pengenalan Asas Fauna, Pengenalan Flora dan Ikhtiar Hidup.


Sesi perbincangan berkumpulan

Pada 6 Oktober 2022, seramai 120 orang peserta telah ditauliah sebagai Malim Gunung Perhutanan bagi Siri 19 dan 20 Tahun 2022. Melalui usaha ini, besarlah harapan Jabatan agar Malim Gunung Perhutanan yang dilantik agar dapat menjadi mata dan telinga kepada Jabatan Perhutanan Negeri Kedah, Perlis dan Pulau Pinang. Akhir sekali, semoga jalinan kerjasama seumpama ini akan dapat membantu Jabatan Perhutanan Negeri dalam membendung masalah pencerobohan atau kesalahan hutan di samping dapat memelihara sumber biodiversiti hutan.



Sesi penyerahan sijil kepada semua peserta Malim Gunung Perhutanan

KURUS IMEJ DAN KETERAMPILAN DIRI

Disediakan Oleh: Nurul Huda binti Jamaluddin
PUSPANITA JPSM

KUALA LUMPUR, 4 OKTOBER 2022

Persatuan Suri dan Anggota Perkhidmatan Awam (PUSPANITA) dengan kerjasama Persatuan Kebajikan dan Sukan Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (PKSIP) dan Unit Komunikasi Korporat dan Perhubungan Awam (UKKPA), Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (IPJPSM) telah mengadakan Kursus Imej Dan Keterampilan Diri buat julung kalinya. Kursus ini diadakan di Dewan Damar Minyak, IPJPSM pada 4 Oktober 2022 (Selasa).

Matlamat penganjuran kursus ini adalah bagi memberi pendedahan kepada ahli-ahli PUSPANITA berkaitan pengurusan imej dan keterampilan diri yang betul bagi meningkatkan lagi pengetahuan dan keyakinan diri semasa di pejabat mahupun majlis-majlis lain. Seorang Perunding Latihan Kanan, Unit Komunikasi dan Bahasa Melayu daripada Institut Tadbiran Awam Negara iaitu Ts. Dr. Rohaizan binti Daud telah dijemput sebagai penceramah bagi kursus yang dihadiri oleh 52 orang peserta.



Para peserta kursus berinteraksi dengan penceramah

Pelbagai topik telah dikongsikan oleh penceramah seperti Personaliti Komunikasi Individu dan ABC dalam Pembentukan Keterampilan Diri. Interaksi dua hala antara penceramah dan peserta serta konsep modeling dalam penyampaian setiap topik berjaya menambat hati para peserta untuk memahami dan kekal aktif (responsif) sepanjang tempoh kursus berlangsung.

Pelbagai respon positif telah diberikan oleh peserta kursus dan berharap kursus seumpama ini dapat dilaksanakan dari masa ke semasa.



Para peserta kursus bergambar bersama penceramah

KURSUS SUSULAN LATIHAN DAN OPERASI RONDAAN DAN PENGUATKUASAAN BERASASKAN SISTEM *SMART PATROL* DI BAWAH OJEK *IMPROVING CONNECTIVITY IN THE CENTRAL FOREST SPINE LANDSCAPE* (IC-CFS) NEGERI JOHOR DAN PAHANG

Disediakan oleh: Shazrul Azwan bin Johari
Jabatan Perhutanan Negeri Johor

KOTA TINGGI, 6-10 NOVEMBER 2022

Seramai 40 orang peserta dari Jabatan Perhutanan Negeri Johor dan Jabatan Perhutanan Negeri Pahang telah bersama-sama menjalani kursus lanjutan berasaskan Sistem *SMART PATROL* Bil.2/2022 di bawah Projek *Improving Connectivity in the Central Forest Spine Landscape* (IC-CFS). Para peserta yang terdiri daripada pegawai dan pengawas hutan dari Jabatan Perhutanan Negeri Johor dan Negeri Pahang telah menjalani latihan yang dikendalikan oleh pegawai dari Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) merangkumi penggunaan *software Spatial Monitoring and Reporting Tool* (*SMART*) dan juga operasi lapangan di sekitar Hutan Simpan Panti, Kota Tinggi.

Objektif kursus susulan ini adalah untuk merekodkan kesalahan-kesalahan hutan yang berlaku dalam kawasan hutan simpanan kekal (HSK). Para peserta dibahagikan kepada tiga kumpulan bagi rondaan operasi mengenalpasti kewujudan sebarang kesalahan hutan seperti penebangan pokok secara haram, pemasangan jerat dan penemuan denai-denai haram dalam kawasan Hutan Simpan (HS) Panti, seterusnya direkodkan ke dalam pengkalan data *SMART PATROL* Jabatan Perhutanan Negeri Johor. Menerusi kursus susulan ini, kemahiran peserta dalam pengumpulan maklumat serta merekodkan data ke dalam sistem *SMART PATROL* dapat diperkukuhkan lagi bagi kegunaan penguatkuasaan Jabatan Perhutanan Negeri pada masa hadapan. Perancangan seterusnya untuk tahun 2023 adalah untuk penyediaan Data Model *SMART* bagi Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia.



Penemuan kesalahan hutan, pokok Chengal yang ditebang secara haram dalam kawasan HS Panti



Penemuan pondok haram serta penebangan pokok haram dalam kawasan HS Panti



Barisan Peserta Kursus Latihan Berasaskan Sistem *SMART PATROL*
Jabatan Perhutanan Negeri Johor dan Jabatan Perhutanan Negeri Pahang

MAJLIS SAMBUTAN MAULIDUR RASUL SAW PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2022 JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

Disediakan oleh: Mohd Ikhsannuddin bin Mohammad Tinggal
Bahagian Latihan Perhutanan, Institut Latihan Perhutanan (FORTRAIN)

KUALA LUMPUR, 7 OKTOBER 2022

Bahagian Latihan Perhutanan, Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia telah menyertai Majllis Sambutan Maulidur Rasul SAW Peringkat Kebangsaan Tahun 1444 Hijrah/2022 Masihi yang membawa tema "Keluarga Malaysia Pemangkin Kemakmuran" yang telah berlangsung di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Antarabangsa (WTC), Kuala Lumpur. Kebawah Duli Yang Maha Mulia (KDYMM) Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia (KDYMM) Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong berkenan berangkat menyempurnakan Majlis Sambutan Maulidur Rasul SAW Peringkat Kebangsaan.

Bahagian Latihan Perhutanan telah menghantar wakil kontinjen jabatan seramai 20 orang pelatih Institut Latihan Perhutanan (FORTRAIN) bagi menyertai Majlis Sambutan Maulidur Rasul SAW Peringkat Kebangsaan tersebut. Majlis dimulakan pada pukul 7.30 pagi dengan pelbagai aktiviti seperti tayangan video khas Maulidur Rasul SAW, Titah Diraja, penyampaian penerima anugerah Maulidur Rasul SAW dan persembahan nasyid.



Pelatih FORTRAIN yang menyertai Majlis Sambutan Maulidur Rasul SAW Peringkat Kebangsaan Tahun 2022

MAJLIS SAMBUTAN MAULIDUR RASUL SAW PERINGKAT INSTITUT PENYELIDIKAN PERHUTANAN MALAYSIA (FRIM)

Disediakan oleh: Mohd Ikhsannuddin bin Mohammad Tinggal
Bahagian Latihan Perhutanan, Institut Latihan Perhutanan (FORTRAIN)

KEPONG, 8 OKTOBER 2022

Bahagian Latihan Perhutanan, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) telah menyertai Sambutan Maulidur Rasul Tahun 2022 peringkat Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM). Bahagian Latihan Perhutanan menghantar wakil kontinjen seramai 30 orang pelatih Institut Latihan Perhutanan (FORTRAIN) bagi menyertai pertandingan perarakan sempena Sambutan Maulidur Rasul tersebut. Program ini dimulakan dengan taklimat perarakan di Dataran Pentadbiran FRIM sebelum acara perarakan ke Dewan Alwy, Bahagian Latihan Perhutanan. Majlis diteruskan dengan ceramah perdana dan penyampaian hadiah bagi Pertandingan Video Kreatif, Pertandingan Mewarna Kanak-Kanak Tabika (FRIM), Pertandingan Kuiz Sempena Sambutan Maulidur Rasul dan Pertandingan Perarakan.



Perarakan Pelatih FORTRAIN sempena
Majlis Sambutan Maulidur Rasul SAW Peringkat FRIM



Bergambar kenangan bersama Pengarah Bahagian Latihan Perhutanan

KURSUS ASAS PENGENALAN TEKNOLOGI BIJI BENIH, JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

Disediakan Oleh: Cik Nurul Shasheila binti Abdul Mutalib
Bahagian Ladang Hutan & Perlindungan Hutan

TELUK BAHANG, 11-13 OKTOBER 2022

Bahagian Ladang Hutan dan Perlindungan Hutan (BLH), Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (IPJPSM) telah menganjurkan Kursus Asas Pengenalan Biji Benih JPSM 2022 pada 11 hingga 13 Oktober 2022 bertempat di Bayan Bay Hotel, Teluk Bahang, Pulau Pinang. Kursus ini dianjurkan dengan kerjasama Bahagian Latihan Perhutanan (BLP) dan Penyelidik Kanan, Institut Peryelidikan Perhutanan Malaysia, Nashatul Zaimah binti Noor Azman.

Kursus ini dihadiri oleh 30 orang pegawai dari Jabatan Perhutanan Negeri, empat orang pegawai BLH dan seorang penceramah. Objektif kursus ini adalah:

- Untuk melatih para peserta berkenaan ujian-ujian asas biji benih.
- Untuk memberi pendedahan kepada peserta mengenai tujuan dan kepentingan perolehan biji benih dan bahan tanaman berkualiti.
- Untuk melatih pelapis baru dalam Pasukan Perolehan Biji Benih dan Bahan Tanaman JPSM.



Peserta mendengar taklimat yang diberikan dan komunikasi dua hala dijalankan sepanjang kursus ini

Peserta kursus adalah terdiri daripada pegawai-pegawai yang menjaga sistem e-FORGRIS. Secara tidak langsung kursus ini menghimpunkan pegawai-pegawai yang mempunyai skop kerja yang sama iaitu pengurusan biji benih, tapak semaian dan juga sistem e-FORGRIS. Taklimat ini dapat membolehkan para pegawai untuk bertukar pandangan, pengalaman kerja dan juga mengemaskini pengetahuan selari dengan peredaran masa dan teknologi.



Latihan dalam kumpulan merupakan elemen yang penting untuk setiap slot ceramah yang disampaikan

Kursus yang berlangsung selama tiga hari ini meliputi pelbagai aspek pengeluaran biji benih, pemprosesan, pengujian dan penyimpanan. Adalah diharapkan agar kursus ini dijadikan landasan untuk selaraskan kaedah pengendalian biji benih, tapak semaian dan pelbagai aspek lagi selaras dengan hasrat JPSM ke arah pensijilan bahan tanaman perhutanan yang bermutu tinggi. Syabas diucapkan kepada para peserta dan juga penganjur.



Gambar kenangan para peserta dan urus setia kursus asas pengenalan teknologi biji benih

KUNJUNGAN HORMAT DELEGASI *EUROPEAN UNION* (EU) KE JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

Disediakan oleh: Nurfarhana binti Ahmad
Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa

KUALA LUMPUR, 11 NOVEMBER 2022

Seramai empat orang delegasi dari *European Union* (EU) telah mengunjungi Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (IPJPSM) pada 11 November 2022 yang lalu. Kunjungan daripada delegasi *European Union* (EU) ini diketuai oleh H. E. Daniel Hachez, *Minister Counsellor and Regional Head of EU Cooperation* (INTPA) for Malaysia, Thailand and Laos diiringi oleh Ms. Francesca Gilli, Pegawai Program EU, Mr. Francesco Floris, *First Counsellor, Head of Section-Trade and Economic Relations* dan Mr. Saroj Srisai, Pegawai Program (Kerjasama) EU ke Thailand.

Satu sesi taklimat berkenaan Pengurusan Hutan Secara Berkekalan (PHSB) telah disampaikan kepada delegasi EU oleh Encik Azhar bin Ahmad, Pengarah Hal Ehwal Antarabangsa di mana taklimat ini telah menarik minat pihak delegasi untuk memahami dengan lebih mendalam berkenaan pengurusan dan pemeliharaan hutan di peringkat Semenanjung Malaysia seterusnya mendapat gambaran menyeluruh berkenaan pengurusan dan pemeliharaan hutan di Malaysia.

Ringkasnya, tujuan utama kunjungan delegasi EU ke Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia adalah untuk memaklumkan dan mempromosi usaha EU dalam melaksanakan peraturan baharu terhadap produk bebas nyah hutan (*EU Deforestation-free regulation-EUDR*). Peraturan ini bermatlamat untuk memastikan jaminan akses bagi komoditi dan produk ke pasaran EU adalah secara sah dan mampan (*legal and sustainable*) iaitu pengeluaran yang tidak melibatkan sebarang aktiviti berkaitan penyahutan dan degradasi hutan. Antara contoh produk yang telah disenaraikan dalam peraturan baharu ini melibatkan produk seperti soya, daging, kelapa sawit, kayu kayan, koko dan kopi, mahupun produk terbitan (*derived product)* seperti barangan kulit dan coklat.

Selaku tuan rumah, kunjungan hormat ini dimulakan dengan sesi perbincangan yang dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Norhaidi bin Yunus, Timbalan Pengarah Bahagian Perancangan dan Ekonomi Hutan bersama tujuh orang pegawai daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional mewakili jabatan bagi menyambut kedatangan delegasi ini. Pegawai yang terlibat adalah daripada Pengarah Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa, Bahagian Silvikultur dan Pemeliharaan Biologi Hutan, Bahagian Perancangan dan Ekonomi Hutan, Bahagian Pengurusan Hutan, Bahagian Ladang Hutan dan Perlindungan Hutan serta Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa.



Sesi perbincangan bersama delegasi EU dan JPSM

PROGRAM KEMBARA *MAJESTIC* JOHOR 2022

Disediakan oleh: Shazrul Azwan bin Johari
Jabatan Perhutanan Negeri Johor

SEGAMAT, 14 DAN 15 OKTOBER 2022

Sekitar Program Kembara *Majestic* Johor 2022 pada 14 dan 15 Oktober 2022 di Kem Salor Gajah, Hutan Simpan Labis, Segamat, Johor yang turut dihadiri Yang Berhormat Puan Haslinda binti Salleh, adun Tenang diiringi YBhg. Dato' Haji Salim bin Aman, Pengarah Perhutanan Negeri Johor bagi menyempurnakan majlis *flag off* kepada para peserta.

Seramai 95 orang peserta telah menyertai program ini. Peserta terdiri daripada Kumpulan Kereta 4x4, *Tourism* Johor dan *Ranhill Water Services*. Jarak perjalanan ke Kem Salor Gajah ini adalah 12 kilometer dengan menggunakan jalan *off-road*.

Di kem ini juga telah disediakan kemudahan tapak untuk berkhemah, tandas, dan tempat ruangan solat. Aktiviti yang dijalankan sepanjang Kembara *Majestic* Johor ini adalah menanam pokok di sekitar tapak perkhemahan dan *jungle trekking* ke Air Terjun Salor Gajah. Para peserta sangat bersemangat dan berpuas hati di sepanjang program ini dijalankan.



Gambar kenangan para peserta dengan urus setia jabatan



Majlis *flag off* oleh Pengarah Perhutanan Negeri Johor

PROGRAM PENDAKIAN 121 PUNCAK *FORESTRY 121 PEAKS*
SEMPENA SAMBUTAN ULANG TAHUN KE-121
JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

Disediakan oleh: Che Engku Nor Amiza binti Che Engku Chik
Bahagian *Forest Eco-Park* dan Hutan Taman Negeri

KUALA LUMPUR, 16 OKTOBER 2022

Sempena sambutan ulang tahun Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia ke-121 pada 16 Oktober 2022 yang lalu, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) telah menganjurkan Program Pendakian 121 Puncak (*Forestry 121 Peaks*) yang diadakan secara serentak di seluruh Semenanjung Malaysia.

Program ini dianjurkan bersama rakan strategik JPSM iaitu *Universal Fitness and Leisure* Sdn Bhd., *Nextgreen Global* Berhad, Malim Gunung Perhutanan (MGP) dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Negeri (JPN). Program ini adalah sebagai inisiatif JPSM bagi memperkenalkan MGP kepada masyarakat awam sebelum penguatkuasaan penggunaan MGP dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal dilaksanakan sepenuhnya oleh Jabatan Perhutanan Negeri.

Menerusi program ini, sebanyak 152 puncak gunung dan bukit telah berjaya ditawan melibatkan penyertaan dari MGP dan pendaki-pendaki gunung seluruh Semenanjung Malaysia. JPSM telah berjaya mencipta rekod melalui *Malaysia Book of Records* (MBOR) di bawah kategori *Most Simultaneous Mountain Ascents* iaitu mendaki sebanyak 121 puncak gunung/bukit dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) secara serentak terbanyak.

Majlis Penutup Program Pendakian 121 Puncak telah diadakan Taman Eko-Rimba Kuala Lumpur. Menteri Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA), YB Dato' Seri Takiyuddin bin Hassan dan Ketua Setiausaha KeTSA, YBhg. Dato' Haji Rosli bin Isa turut hadir dalam merasmikan majlis penutup ini. Satu demonstrasi penyelenggaraan pokok spesies terancam juga telah diadakan sempena majlis ini.



Sijil *Malaysia Book of Records* (MBOR) di bawah kategori *Most Simultaneous Mountain Ascents*


Acara penanaman pokok oleh YB Menteri KeTSA



Penyampaian Sijil *Malaysia Book of Records (*MBOR) di bawah kategori *Most Simultaneous Mountain Ascents*

PROGRAM PENDAKIAN 121 PUNCAK *FORESTRY 121 PEAKS* SEMPENA ULANG TAHUN KE-121 JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA PERINGKAT DAERAH JOHOR TENGAH

Disediakan oleh: Muhammad Rohaizad Bin Ramli @ Ramlee
Jabatan Perhutanan Negeri Johor

BATU PAHAT, 16 OKTOBER 2022

Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) telah melancarkan Program Mendaki 121 Puncak (*Forestry 121 Peaks*) Sempena Ulang Tahun ke-121 JPSM pada 16 Oktober 2022. Sempena dengan sambutan ini sebanyak 121 puncak gunung/bukit akan dijalankan pendakian secara serentak dan dikendalikan oleh Malim Gunung Perhutanan (MGP).

Perasmian pelepasan utama peserta *(Flag Off*) bagi peringkat Pejabat Hutan Daerah Johor Tengah, Kluang telah dirasmikan oleh Pengarah Perhutanan Negeri Johor, YBhg. Dato' Haji Salim bin Aman di Trek Pendakian Gunung Banang, Batu Pahat pada 16 Oktober 2022.

Seramai 55 orang peserta terdiri daripada kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Johor, Pejabat Hutan Daerah Johor Tengah, (Kluang), Majlis Perbandaran Batu Pahat (MPBP) dan beberapa agensi lain serta melibatkan tujuh Malim Gunung Perhutanan telah mendaki Gunung Banang pada program ini. Di antara lokasi lain yang turut dijalankan pendakian secara serentak dalam program ini adalah Trek Pendakian Gunung Pulai 1, Trek Pendakian Gunung Arong, Mersing dan Trek Pendakian Gunung Bekok, Sungai Bantang.



Gambar kenangan para peserta dan urus setia dari jabatan sebelum mendaki Gunung Banang



Gambar bersama urus setia dengan Pengarah Perhutanan Negeri Johor di puncak Gunung Banang

PROGRAM PENDAKIAN 121 PUNCAK *FORESTRY 121 PEAKS* SEMPENA ULANG TAHUN KE-121 JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA PERINGKAT DAERAH JOHOR TIMUR

Disediakan oleh: Mohd Fouzi bin Abdul Hamid
Jabatan Perhutanan Negeri Johor

MERSING, 16 OKTOBER 2022

Program mendaki 121 puncak (*Forestry 121 Peaks*) peringkat Negeri Johor telah diadakan serentak seluruh negeri Johor dan kebangsan. Penglibatan Jabatan Perhutanan Negeri Johor khususnya Pejabat Hutan Daerah Johor Timur (Mersing) dalam program ini amat menggalakkan.

Program ini diadakan bersempena dengan sambutan ulang tahun ke 121 tahun Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dan bagi program di bawah anjuran JPN Johor melibatkan 28 puncak gunung/bukit, 85 orang Malim Gunung Perhutanan dan 718 peserta.

Daerah Johor Timur, program pendakian telah diadakan di dua lokasi, iaitu trek pandakian Gunung Arong berketinggian 240 dari aras laut di dalam Hutan Taman Negeri (HTN) Gunung Arong. Program ini melibatkan 12 orang Malim Gunung Perhutanan dan 68 peserta. Lokasi kedua adalah di Gunung Janing yang berketinggian 655 meter dari aras laut melibatkan seorang Malim Gunung Perhutanan dan enam orang peserta. Pelepasan telah dibuat secara serentak oleh Pegawai Hutan Daerah Johor Timur, Encik Mohd Saman bin Mohd Sanget yang menjalankan pendakian di Trek Pendakian Gunung Arong.

Program ini juga menunjukkan komitmen Jabatan Perhutanan Negeri Johor dalam mempromosikan aktiviti sukan lasak di dalam Hutan Simpan Kekal sebagai tarikan pelancongan di dalam Negeri Johor bagi menjadikan sumber baharu kepada Kerajaan Negeri Johor.



Gambar kenangan para peserta dan urus setia dari jabatan di puncak Gunung Janing



Gambar kenangan para peserta dan urus setia dari jabatan di puncak Gunung Arong

PROGRAM PENDAKIAN 121 PUNCAK *FORESTRY 121 PEAKS* SEMPENA ULANG TAHUN KE-121 JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA PERINGKAT DAERAH JOHOR SELATAN

Disediakan oleh: Mohammad Shahril Bin Zulkifli
Jabatan Perhutanan Negeri Johor

KULAI , 16 OKTOBER 2022

Program Mendaki 121 Puncak (*Forestry 121 Peaks*) Sempena Ulang Tahun Ke-121 JPSM Peringkat Negeri Johor telah berjaya dilaksanakan di Gunung Pulai, Daerah Kulai Peringkat Pejabat Hutan Daerah Johor Selatan. Program ini merupakan acara yang julung kali diadakan dengan melibatkan 28 Puncak pendakian gunung dan bukit di seluruh Negeri Johor di bawah Jabatan Perhutanan Negeri Johor (JPNJ) yang berlangsung secara serentak pada 16 Oktober 2022.

Program pelepasan pendakian telah dimulakan pada jam 8.00 pagi melibatkan penyertaan seramai 250 orang peserta termasuklah Malim Gunung Perhutanan Negeri Johor. Turut serta di dalam program ini adalah pegawai dan kakitangan daripada Majlis Perbandaran Kulai (MPKu).

Program Mendaki 121 Puncak (*Forestry 121 Peaks*) ini telah melakar sejarah bersama iaitu *Most Simulataneous Mountain Ascents In Malaysia Book of Records* bersama Malim Gunung Perhutanan dan komuniti rekreasi lain dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Negeri Johor dan JPSM.

JPNJ berharap agar program yang diadakan ini secara tidak langsung dapat memperkenalkan kawasan-kawasan yang menarik kepada pengunjung dari dalam dan luar negara kepada pengemar aktiviti pendakian di samping dapat meningkatkan kehadiran pelancong ke Negeri Johor ke serta menjadikan Negeri Johor sebagai Destinasi Pelancongan Utama menjelang tahun 2027.



Gambar kenangan para peserta dan urus setia dari jabatan sebelum mendaki Gunung Pulai



Gambar peserta sebelum pelepasan mendaki Gunung Pulai



Gambar kenangan para peserta dan urus setia dari jabatan di puncak Gunung Pulai

PROGRAM PENDAKIAN 121 PUNCAK *FORESTRY 121 PEAKS* SEMPENA ULANG TAHUN KE-121 JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA PERINGKAT NEGERI KEDAH

Disediakan oleh: Fatin Afiqah binti Roslan
Jabatan Perhutanan Negeri Kedah

YAN, 16 OKTOBER 2022

Sempena Ulang Tahun Ke-121 Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, satu program pendakian telah diadakan di beberapa kawasan pendakian di Negeri Kedah. Program pendakian ini telah diadakan pada 16 Oktober 2022 dengan kerjasama pihak Jabatan Perhutanan Negeri Kedah, Malim Gunung Perhutanan Negeri Kedah dan orang awam. Program pendakian ini juga telah dijalankan serentak di seluruh Semenanjung Malaysia pada tarikh yang sama bagi meraikan ulang tahun Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia yang Ke-121 tahun. Pendakian ini telah melibatkan sebanyak 12 puncak gunung dan bukit dengan penyertaan seramai 194 peserta di Negeri Kedah telah menyertai program tersebut.

Di Negeri Kedah, program pendakian ini telah dirasmikan oleh Yang Berusaha Tuan Muhamad bin Abdullah, Pengarah Perhutanan Negeri Kedah di Perkarangan Taman Eko-Rimba Titi Hayun bagi pendakian ke Gunung Jerai, Daerah Yan. Untuk makluman, gunung dan bukit yang terlibat bagi pendakian tersebut adalah Gunung Jerai, Gunung Kemerlong, Bukit Perak, Gunung Bintang, Bukit Besar Kulim, Air Terjun Lebai Husin, Bukit Batu Merah, Bukit Fakir Terbang, Bukit Gua Cherita/Bukit Kilim, Bukit Selat Panchor, Gunung Raya dan Bukit Batu Licin.

Penyelarasan pendakian di Negeri Kedah dibahagikan kepada empat pentadbiran iaitu Pejabat Hutan Daerah (PHD) Kedah Utara, PHD Kedah Tengah, PHD Kedah Selatan dan PHD Langkawi. Semua pendakian yang dijalankan serentak pada tarikh tersebut berjalan lancar dan selamat. Secara tidak langsung, program pendakian ini dapat mengeratkan silaturahim antara kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Kedah dengan ahli Malim Gunung Perhutanan Negeri Kedah.

Selain itu, para peserta diminta untuk mengutip sampah di sepanjang laluan denai pendakian dan pihak Jabatan Perhutanan Negeri Kedah juga telah membekalkan satu unit plastik sampah bagi setiap peserta. Untuk makluman juga, program ini telah didaftarkan sebagai Pendakian Serentak Terbanyak dalam *Malaysia Book of Records*. Secara keseluruhannya, program pendakian ini telah dapat memupuk semangat cintakan alam sekitar dan kerjasama dalam menjaga keselamatan antara satu sama lain serta secara tidak langsung menjadi salah satu sumbangan pencapaian bermakna bagi Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia.



Para peserta yang berjaya sampai di puncak Gunung Kemerlong



Para peserta yang berjaya sampai di puncak Bukit Besar Kulim



Para peserta yang berjaya sampai di puncak Gunung Jerai



Perasmian Program Pendakian 121 Puncak Gunung/Bukit Sempena Ke-121 Tahun Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia Peringkat Negeri Kedah yang telah disempurnakan oleh Pengarah Perhutanan Negeri Kedah

PROGRAM PENDAKIAN 121 PUNCAK *FORESTRY 121 PEAKS* SEMPENA LANG TAHUN KE-121 JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA PERINGKAT NEGERI KELANTAN

Disediakan oleh: Puan Juliana binti Yahya
Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan

KOTA BHARU, 16 OKTOBER 2023

Program Pendakian 121 puncak sempena sambutan ulang tahun Ke-121 tahun Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia telah diadakan di semua negeri Semenanjung Malaysia. Program ini telah direkodkan dalam "*Malaysia Book Of Record*". Jabatan Perhutanan Negeri tidak ketinggalan untuk mengambil bahagian dalam program ini. Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan memilih Taman Negeri Gunung Stong sebagai tempat berlangsungnya program ini di Peringkat Negeri Kelantan. Seramai 70 perserta termasuk Malim Gunung Perhutanan terlibat dalam program ini. Peserta dibahagikan kepada tiga kumpulan yang mana kumpulan pertama perlu menawan puncak Gunung Nyelit, kumpulan kedua perlu menawan Gunung Stong dan Gunung Kob manakala kumpulan ketiga pula perlu menawan puncak Gunung Stong dan Gunung Nyelit.



Gambar kenangan para peserta dan urus setia dari jabatan sebelum mendaki Gunung Stong



Para peserta dan urus setia jabatan yang berjaya sampai di puncak Gunung Stong



Para peserta dan urus setia jabatan yang berjaya sampai di puncak Gunung Kob

PROGRAM PENDAKIAN 121 PUNCAK *FORESTRY 121 PEAKS* SEMPENA ULANG TAHUN KE-121 JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA PERINGKAT NEGERI TERENGGANU

Disediakan oleh: Zaida binti Zakaria
Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu

KUALA BERANG, 16 OKTOBER 2022

Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu (JPNT) telah turut serta dalam Program 121 Puncak Sempena ulang tahun Ke-121 JPSM yang telah berjaya melakar sejarahnya tersendiri apabila memecahkan rekod baharu dengan pendakian 121 puncak termasuk gunung/bukit yang terdapat di Semenanjung Malaysia.

Program ini adalah anjuran bersama Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu dengan kerjasama Malim Gunung Perhutanan (MGP) yang dilatih di bawah Program *Reskill-Upskill* Latihan Ekopelancongan Sumber Asli, Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA).

"Sebanyak sembilan gunung/bukit telah dijelajah pada hari dan waktu yang sama melibatkan kakitangan JPNT, MGP Negeri Terengganu dan orang awam" ujar Tuan Haji Roslan bin Rani, Pengarah Perhutanan Negeri Terengganu.

Tambahnya, program ini adalah Inisiatif JPSM bagi memperkenalkan MGP kepada masyarakat awam sebelum penguatkuasaan penggunaan MGP di dalam kawasan Hutan Simpon Kekal dilaksanakan oleh Jabatan Perhutanan Negeri termasuk Negeri Terengganu pada 2023.

JPNT telah menganjurkan dua pendakian bagi kakitangannya iaitu pendakian Bukit Kesing dan Bukit Permatang Salak yang melibatkan penyertaan seramai 30 orang kakitangan. Tujuh lagi laluan pendakian iaitu Gunung CBL (tiga puncak), Gunung Sarut, Bukit Batu Kapal, Bukit Tangga dan Bukit Bauk telah dikendalikan oleh Malim Gunung Perhutanan Negeri Terengganu.

"Program ini sesuai dengan gaya hidup sihat dan dapat mengeratkan sillatulrahim dikalangan kakitangan disamping dapat mempromosikan penggunaan MGP semasa pendakian supaya orang awam dapat melakukan aktiviti pendakian secara terkawal, selamat dan mengurangkan risiko kemalangan", kata Mohd Radhi bin Abdullah @ Abd Aziz selaku peserta merangkap urus setia program dan Malim Gunung Perhutanan.



Para peserta dan urus setia jabatan yang berjaya sampai di puncak Bukit Kesing



Para peserta dan urus setia jabatan yang berjaya sampai di puncak Permatang Salak



Peserta dan uruseria jabatan yang terlibat dengan pendakian Bukit Kesing dan Bukit Permatang Salak

MAJLIS MENANDATANGANI NOTA KERJASAMA ANTARA JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA BERSAMA JABATAN KIMIA MALAYSIA

Disediakan oleh: Khairunnisa binti M.Mamat
Bahagian Penguatkuasaan Hutan

BUKIT TINGGI, 19 OKTOBER 2022

Satu Majlis Menandatangani Nota Kerjasama antara Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia bersama Jabatan Kimia Malaysia telah diadakan di Colmar Tropicale, Bukit Tinggi, Bentong, Pahang. Majlis ini dihadiri oleh YBhg. Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang, Ketua Pengarah Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia yang diiringi oleh delegasi Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia yang terdiri dari Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan (Operasi dan Teknikal), Pengarah-Pengarah Perhutanan Negeri dan Pengarah-Pengarah Bahagian serta wakil manakala Jabatan Kimia Malaysia telah dihadiri oleh YBhg. Dato' Mohamed Zaini bin Abdul Rahman, Ketua Pengarah Jabatan Kimia Malaysia yang diiringi oleh delegasi dari Jabatan Kimia Malaysia yang terdiri daripada Pengarah-pengarah Pusat dan Pengarah-pengarah Bahagian Jabatan Kimia Malaysia.



Hadirin yang hadir ke Majlis Menandatangani Nota Kerjasama antara Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia bersama Jabatan Kimia Malaysia

Nota Kerjasama ini adalah lanjutan daripada pelantikan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia sebagai *Management Authority* (MA) iaitu Pihak Berkuasa Pengurusan bagi pengeluaran tumbuhan asli di bawah Konvensyen Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesies Fauna dan Flora Liar yang Terancam Pupus (CITES-*Convention on International Trade in Endagered Spesies of Wild Fauna and Flora*).

Menyedari akan ancaman kepupusan ini boleh berlaku, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia melalui Bahagian Penguatkuasaan Hutan, Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia telah bekerjasama dengan Jabatan Kimia Malaysia (KIMIA) bagi membangunkan pangkalan data DNA bagi beberapa famili tumbuhan asli yang terdapat dalam Jadual Ketiga, Akta Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesies Terancam 2008 (Akta 686) iaitu orkid dan periuk kera untuk membantu pihak jabatan sekiranya terdapat urusan pengeluaran tumbuhan asli tujuan perdagangan dari dalam Hutan Simpanan Kekal yang dijalankan secara haram dapat dikenalpasti melalui kaedah DNA.



Sesi Penyerahan Nota Kerjasama antara Jabatan Perhutanan Semenanjung alaysia bersama Jabatan Kimia Malaysia

Selaras dengan hasrat Jabatan Perhutanan Semananjung Malaysia untuk menjaga khazanah alam semulajadi daripada terus diceroboh oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab dan mendakwa mereka ke mahkamah, tindakan inisiatif memperkukuhkan pelaksanaan penguatkuasaan dan perundangan dalam sektor perhutanan di Semenanjung Malaysia dengan mewujudkan kerjasama dengan Jabatan Kimia Malaysia melalui Nota Kerjasama yang dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak.



Sesi bergambar antara kedua-dua delegasi jabatan

LAWATAN KERJA PERHUTANAN SOSIAL JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA DI NEGERI SABAH

Disediakan oleh: Nurul Shasheila binti Abdul Mutalib,
Bahagian Ladang Hutan dan Perlindungan Hutan

SANDAKAN, 25-28 OKTOBER 2022

Lawatan Kerja Perhutanan Sosial Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) ke Sabah telah diadakan di Kota Kinabalu dan Kota Marudu, Sabah pada 25 hingga 28 Oktober 2022. Lawatan kerja ini dianjurkan oleh Bahagian Ladang Hutan dan Perlindungan Hutan, JPSM. Lawatan kerja ini bertujuan untuk meninjau dan menyediakan rangka model perhutanan sosial di Sabah yang berkaitan dengan pembangunan model perhutanan sosial di Semenanjung Malaysia iaitu Pembangunan Model Perhutanan Sosial melalui Penternakan Kelulut dan Penghasilan Bahan Tanaman oleh komuniti, mengkaji konsep pelaksanaan dan kaedah pembangunan model perhutanan sosial di Sabah, perkongsian ilmu dan percambahan idea-idea baru dalam pengurusan dan pentadbiran perhutanan sosial di lapangan serta meneliti teknik dan kaedah pemasaran produk perhutanan sosial Sabah yang boleh dilaksanakan di Semenanjung Malaysia.

Lawatan kerja selama empat hari tiga malam ini disertai oleh seramai 29 orang pegawai dan kakitangan JPSM dan Jabatan Perhutanan Negeri (JPN). Pegawai dan kakitangan yang menyertai lawatan kerja ini adalah merupakan Urus setia Projek Perhutanan Sosial, Pegawai Penyelaras Perhutanan Sosial Negeri, Ahli Jawatankuasa Pemantauan dan Teknikal Kelulut dan lain-lain pegawai yang berkaitan dengan pelaksanaan Projek Pembangunan Model Perhutanan Sosial JPSM. Lawatan kerja ini diketuai oleh YBhg. Dato' Norhaidi bin Yunus, Timbalan Pengarah Bahagian Perancangan dan Ekonomi Hutan, JPSM.

Selain itu, pegawai dan kakitangan dari Jabatan Perhutanan Sabah turut mengiringi dan menyertai lawatan kerja ini. Sebanyak tiga lokasi projek perhutanan sosial yang terlibat dalam lawatan kerja ini iaitu:

- Projek REDD+ *(Tackling Climate Change throught Sustainable Forest Management and Community Development*), Kg. Gana, Kota Marudu;
- Projek *Joint Forest Management*, Hutan Simpan Kelawat, Kota Kinabalu;
- Projek Pemulihan Hutan Simpan Tamparuli melalui Perhutani (*Agroforestry*), Kota Kinabalu .



Ketibaan delegasi lawatan kerja JPSM di Kota Kinabalu *International Airport*



Taklimat di lapangan oleh Pegawai Perhutanan Sosial, Mr. Ricky Alisky Martin



Lawatan ke projek penternakan kelulut



Aktiviti penanaman pokok simbolik sokongan Program Penghijauan Malaysia Sabah

SERANGKAI DAN PASAR SENI

Disediakan oleh: Alisah binti Simin
Unit Komunikasi Korporat dan Perhubungan Awam

KUALA LUMPUR, 27-30 OKTOBER 2022

Projek *United Nations Development Programme* (UNDP)/ *Global Environment Facility* (GEF)/*Goverment of Malaysia* (GOM): *Improving Connectivity in the Central Forest Spine Landscape* (IC-CFS) melalui Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) telah mengadakan Pameran Serangkai-Ekspresi Hubungan Insan dan Alam yang bertujuan untuk berkongsi informasi mengenai *Central Forest Spine* (CFS) dan inisiatif projek yang telah dibuat oleh agensi pelaksana projek IC-CFS dalam menyokong Pelan Induk Rangkaian Ekologi *Central Forest Spine* (PIRECFS). Pameran Serangkai ini telah diadakan di Pasar Seni, Kuala Lumpur yang berlangsung bermula pada 27 hingga 30 Oktober 2022.

Unit Komunikasi Korporat dan Perhubungan Awam, JPSM telah turut serta dalam pameran selama empat hari dengan membawakan konsep Penghijauan Malaysia: Kempen Penanaman 100 Juta Pokok. Perkongsian maklumat berkaitan pelaksanaan program ini dalam tempoh lima tahun mulai tahun 2021 hingga 2025 telah dijalankan. Orang ramai turut diajak bersama-sama mencapai sasaran penanaman 100 juta pokok ini dengan melaksanakan penanaman pokok samada secara individu ataupun kumpulan dan seterusnya mendaftar penanaman pokok tersebut dalam aplikasi Penghijauan Malaysia. Pelbagai cenderahati turut disediakan kepada para pengunjung yang telah memuat turun dan berdaftar dengan aplikasi Penghijauan Malaysia di dalam telefon bimbit pengunjung.

Pameran seumpama ini merupakan inisiatif Jabatan dalam mempromosikan fungsi dan peranan Jabatan serta Program Penghijauan Malaysia secara fizikal kepada orang awam. Dengan penglibatan orang awam dalam kempen penanaman pokok ini diharapkan sasaran penanaman 100 juta pokok dapat dicapai dalam tempoh yang ditetapkan.



Maskot Program Penghijauan Malaysia, Ecot turut sama memeriahkan Program Serangkai



Pertandingan mewarna salah satu aktiviti yang ditawarkan di dalam Pameran Serangkai



Petugas pameran berkongsi maklumat berkaitan Program Penghijauan Malaysia

MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN IBU PEJABAT JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA BILANGAN 9 TAHUN 2022 DAN MAJLIS PENGANUGERAHAN SIJIL KURSUS PERHUTANAN PENGAWAS HUTAN SESI 2021-2022 I NSTITUT LATIHAN PERHUTANAN (FORTRAIN)

Disediakan oleh: Liong Kang Hui
Bahagian Latihan Perhutanan, Institut Latihan Perhutanan (FORTRAIN)

KUALA LUMPUR, 28 SEPTEMBER 2022

Pada 28 September 2022, telah diadakan Majlis Perhimpunan Bulanan Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia Bilangan Ke-9 tahun 2022 adalah bertempat di Dewan Damar Minyak IPJPSM yang telah diurus oleh Bahagian Latihan Perhutanan. Melalui perhimpunan bulanan ini, YBhg. Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia (KPPSM) telah menyampaikan ucapan dan amanat kepada semua warga IPJPSM. Turut hadir bersama, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi & Teknikal), YBhg. Dato' Mohd Rahim bin Rani, Pengarah-Pengarah Perhutanan Negeri, Pengarah-pengarah Bahagian dan Ketua Unit IPJPSM serta warga IPJPSM.



YBhg. Dato' Indera KPPSM menyampaikan ucapan dan amanat kepada semua warga IPJPSM

Pada perhimpunan bulanan kali ini juga, julung kalinya turut diadakan Majlis Penganugerahan Sijil Kursus Perhutanan Pengawas Hutan sesi 2021-2022 Institut Latihan Perhutanan (FORTRAIN). Seramai 84 orang pelatih telah berjaya menamatkan kursus ini dengan jayanya. Sebelum berlangsungnya acara, YBhg. Dato' Indera KPPSM diberi penghormatan untuk memeriksa perbarisan kawad oleh para pelatih di hadapan pintu masuk Blok Chengal, IPJPSM.



YBhg. Dato' Indera KPPSM memeriksa perbarisan kawad pelatih Kursus Sijil Perhutanan Pengawas Hutan (KSPPH) sesi 2021-2022

Bahagian Latihan Perhutanan mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua pelatih yang telah dianugerahkan Kursus Sijil Perhutanan Pengawas Hutan (KSPPH) sesi 2021-2022, FORTRAIN. Semua para pelatih yang baru dianugerahkan sijil masing-masing juga diharapkan mampu untuk memikul pelbagai cabaran dan rintangan masa kini dan masa akan datang serta seterusnya membawa profesion perhutanan ke satu tahap yang unggul dan cemerlang di mata rakyat. Semoga segala ilmu dan pengalaman yang diperolehi dapat digunakan dengan sebaiknya dan dapat dikongsikan ilmu yang diperolehi di FORTRAIN sewajarnya dengan masyarakat di luar sana.



Graduan Kursus Sijil Perhutanan Pengawas Hutan (KSPPH) sesi 2021-2022 bergambar kenangan dengan tetamu kehormat



Gambar kenangan graduan Kursus Sijil Perhutanan Pengawas Hutan (KSPPH) sesi 2021-2022

PESTA BOLA NGOCA 2022

Disediakan Oleh: Mohamad Izwan bin Mohd Radzi
Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan

KUALA PILAH, 10 DAN 11 DISEMBER 2022

Pesta Bola Ngoca kembali lagi pada tahun 2022 ini. Acara ini telah berlangsung pada 10 dan 11 Disember 2022 bertempat di Perkampungan Budaya Terachi dimana menjadi tempat utama yang dinamakan sebagai Stadium Bola Ngoca, Terachi, Kuala Pilah. Pesta Bola Ngoca telah menjadi acara tahunan didalam kalendar pelancongan Negeri Sembilan dimana ia merupakan edisi Ke-3 yang telah dijayakan.

Seperti edisi lalu, pesta ini juga mempertandingkan acara sukan rakyat yang lain seperti ngoca ikan (menangkap ikan hanya menggunakan tangan tanpa sebarang peralatan) yang popular di Negeri Sembilan khususnya penduduk sekitar Kuala Pilah. Selain itu pertandingan lain yang diadakan juga adalah seperti memanjat tiang licin, menangkap itik, gusti bantal serta basikal titi. Festival ini juga bertujuan memartabatkan semula acara tradisional kepada generasi muda seterusnya memperkenalkan aktiviti ini kepada pelancong dalam negara dan luar negara.

Bagi acara Bola Ngoca pada kali ini, sebanyak 127 pasukan lelaki dan 31 pasukan wanita dari seluruh Malaysia telah menghantar penyertaan. Pasukan Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan telah menghantar tiga pasukan dimana dua Pasukan Lelaki dan buat julung-julung kalinya menghantar satu pasukan bola wanita. Kesemua pasukan berjaya mara ke peringkat kedua iaitu peringkat kalah mati yang diadakan pada hari berikutnya namun gagal untuk mara ke peringkat 32 terbaik bagi lelaki dan 16 terbaik bagi wanita. Pesta ini telah dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Hj. Aminuddin bin Harun, Menteri Besar Negeri Sembilan Darul Khusus.



Pasukan bola lelaki jabatan yang beraksi di dalam Stadium Bola Ngoca, Terachi, Kuala Pilah



Pasukan bola perempuan jabatan di dalam Stadium Bola Ngoca, Terachi, Kuala Pilah



Gambar kenangan pasukan bola lelaki jabatan bersama dengan Pengarah Perhutanan Negeri Sembilan

PROGRAM LAWATAN AHLI LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN (UTHM) KE HUTAN TAMAN NEGERI AYER HITAM UTARA, MUAR

Disediakan oleh: Haridyn bin Hanti
Jabatan Perhutanan Negeri Johor

MUAR, 13 NOVEMBER 2022

Satu program lawatan Ahli Lembaga Pengarah Universiti Tun Hussein Onn (UTHM) ke Hutan Taman Negeri Ayer Hitam Utara (HTN AHU) yang diketuai oleh YBhg. Dato' Sri Ibrahim bin Ahmad, Pengerusi Lembaga Pengarah UTHM bersama Ahli-ahli Lembaga Pengarah iaitu YB Dato' Dr Haji Nooh bin Gadut dan YBhg. Professor Dr. Yusri bin Yusof. Lawatan ini turut dihadiri oleh YB Dato' Haji Mustaffa Kamal bin Dato' Haji Shamsudin, Pegawai Daerah Muar dan YBhg. Profesor Dr. Mohd Shahir Shamsir bin Omar, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) selaku wakil rasmi Naib Canselor UTHM beserta pegawai-pegawai kanan UTHM pada 13 November 2022.

Lawatan ini adalah kerjasama melalui Surat Hasrat UTHM-Jabatan Perhutanan Negeri Johor (JPNJ) yang telah dimeterai pada 9 Ogos 2022 iaitu bagi menjalin kerjasama dan perkongsian kepakaran dalam usaha penyelidikan, pemuliharaan, pembangunan dan pengurusan sumber hutan di dalam Hutan Simpanan Kekal Negeri Johor khususnya di Hutan Taman Negeri Ayer Hitam Utara (HTN AHU).

Antara intipati lawatan ini adalah melawat Galeri *Betta*, Bangunan *Living Lab*, Pameran Poster *Living Lab* Muar, lokasi pemasangan alat pemantauan kebakaran yang menggunakan *smoke detector*, projek madu kelulut yang diusahakan oleh Komuniti Mukim Ayer Hitam dan lawatan ke kawasan bekas lombong. Selain itu, terdapat penerangan berkaitan kepelbagaian spesies pokok periuk kera, melihat habitat semulajadi ikan *Betta*, melawat khemah pameran Jabatan Perhutanan, aktiviti penanaman pokok sempena menjayakan Kempen Penanaman 100 Juta Pokok dan taklimat berkenaan Pembangunan HTN AHU.



Gambar Lawatan Ahli Lembaga Pengarah Universiti Tun Hussein Onn Ke Hutan Taman Negeri Ayer Hitam Utara Muar



Penerangan berkaitan *Nepenthes hybrid* baru yang ditemui iaitu *Nepenthes x sultan-ibrahimii*



Program penanaman pokok di sekitar kawasan Hutan Taman Negeri Ayer Hitam Utara

MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2020
DAN ASPRESASI PERSARAAN 2021
JABATAN PERHUTANAN NEGERI TERENGGANU

Disediakan Oleh: Siti Khatijah binti Othman
Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu

KUALA TERENGGANU, 13 NOVEMBER 2022

"Sesukar manapun sesuatu perkara, kita tetap perlu menghadapinya dengan professional dan beretika kerana rakyat sentiasa mengharapkan semua tindakan penjawat awam adalah betul, sentiasa kekalkan, meningkatkan kepercayaan serta keyakinan orang awam terhadap perkhidmatan awam", antara intipati ucapan Yang Berhormat Mulia Tengku Seri Bijaya Raja.

Ucapan aluan disampaikan oleh Datuk Tengku Farok Hussin bin Tengku Abdul Jalil yang juga merupakan Setiausaha Kerajaan Terengganu semasa merasmikan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2021 dan Aspresasi Persaraan 2022 Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu (JPNT) yang telah diadakan dengan jayanya pada 13 November 2022 di Dewan Besar JPNT, Batu Enam, Kuala Terengganu.

Seramai 41 pegawai dan kakitangan JPNT telah diraikan dengan penerimaan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) bagi tahun penilaian 2021 dan juga menyampaikan penghargaan kepada 16 kakitangan JPNT yang berpencen pada tahun 2022.



Yang Berhormat Mulia Tengku Seri Bijaya Raja SUK Memeriksa Perbarisan diiringi oleh Pengarah Perhutanan Negeri Terengganu



Penerima APC 2021 bergambar kenangan dengan Yang Berhormat Mulia Tengku Seri Bijaya Raja SUK, TKP OT dan PPN



Yang Berhormat Mulia Tengku Seri Bijaya Raja SUK memukul gong sebanyak tiga kali sebagai simbolik perasmian Majlis APC 2021 dan Apreasiasi Persaraan 2022



Pegawai Kanan JPNT bergambar kenangan dengan Yang Berhormat Mulia Tengku Seri Bijaya Raja SUK, TKP OT dan PPN



Yang Berhormat Mulia Tengku Seri Bijaya Raja SUK diapit oleh TKP OT dan PPN

KURSUS FORENSIK PERHUTANAN

Disediakan oleh: Khairunnisa binti M.Mamat
Bahagian Penguatkuasaan Hutan

KUALA LUMPUR, 2-7 OKTOBER 2022

Seksyen Forensik merupakan salah satu seksyen yang terdapat di Bahagian Penguatkuasaan Hutan di Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM). Seksyen ini bertindak sebagai penasihat bagi pegawai penyiasat di negeri dalam membantu siasatan berkaitan kes jenayah alam sekitar.

Kursus Forensik Perhutanan dirangka dengan teliti untuk memberi pendedahan meluas kepada kakitangan lapangan di negeri bagi menjaga kawasan kejadian supaya rantaian bahan bukti dapat dijaga dengan baik. Selain itu, dapat memberikan pendedahan serta pengetahuan kepada peserta kursus dan cara mengaplikasikannya ke atas kes-kes kesalahan hutan terutamanya bagi kaedah pengendalian barang kes di tempat kejadian serta prosedur penghantaran barang kes ke agensi berkaitan di samping menerapkan elemen Forensik Perhutanan dalam mengukuhkan pendakwaan dan siasatan berkaitan kes kesalahan hutan.



Kursus Forensik (Zon Timur) Hotel Grand Puteri, Kuala Terengganu, Terengganu 2 hingga 7 Oktober 2022

Bagi Tahun 2022, Seksyen Forensik telah menjalankan tiga sesi Kursus Forensik yang melibatkan agensi seperti Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Jabatan Kimia Malaysia (KIMIA Malaysia) dan Insitut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) serta Bahagian Perundangan dan Pendakwaan, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia yang juga turut memberi ceramah dalam kursus ini



Pemeriksaan kayu bulat di lapangan

Sesi Kursus Forensik Perhutanan (Zon Timur) telah diadakan pada 2 hingga 7 Oktober 2022 di Hotel Grand Puteri, Kuala Terengganu, Terengganu yang melibatkan pegawai lapangan dari Negeri Pahang, Negeri Kelantan dan Negeri Terengganu.



Gambar peserta dan urus setia membuat taklimat ringkas di lapangan

PROGRAM *TRAIL HUNT* SEMPENA MINGGU INOVASI PERINGKAT NEGERI SEMBILAN

Disediakan oleh: Norita binti Sutahar
Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan

LENGGENG, 16 NOVEMBER 2022

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan telah berjaya melaksanakan Program *Trail Hunt* pada 16 November 2022 bertempat di Taman Eko-Rimba (TER) Lenggeng, Seremban, Negeri Sembilan. Program ini merupakan salah satu pengisian di dalam Minggu Inovasi Peringkat Negeri Sembilan Tahun 2022. Objektif utama pertandingan ini diadakan adalah untuk menyemarakkan budaya pemikiran kreatif dan inovatif dalam kalangan penjawat awam di negeri ini.

Program ini telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan selepas penganjurannya pada tahun 2018 dan 2019 dimana pada kali ini sebanyak 30 kumpulan yang terdiri daripada jabatan dan agensi di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri dan Persekutuan Negeri Sembilan telah menyertai program ini berbanding sebanyak 20 kumpulan yang bertanding pada tahun sebelumnya. Program yang bertemakan *Cyber Security* pada kali ini mengetengahkan beberapa konsep aktiviti yang memberi pendedahan dan kesedaran berkaitan keselamatan siber kepada peserta di samping mengekalkan konsep *Back to Nature* di Taman Eko-Rimba Lenggeng.

Program *Trail Hunt* 2022 telah berjalan dengan jayanya dan mencapai objektif yang disasarkan. Program dirasmikan oleh YB Dato' Dr. Razali bin Ab Malik, Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan. Turut hadir Pengarah Perhutanan Negeri Sembilan, Tuan Haji Saleh bin Awaludin. Di akhir program, pemenang utama bagi tiga kumpulan terbaik, dua saguhati dan satu kategori kumpulan catatan masa terpantas telah diumumkan. Para pemenang menerima hadiah wang tunai dan sijil penyertaan yang disampaikan pada Majlis Apresasi Minggu Inovasi pada 24 November 2022.


Gambar peserta melakukan aktiviti di TER Lenggeng


Gambar peserta melakukan aktiviti di TER Lenggeng



Gambar kenangan peserta dan urus setia jabatan bagi Program *Trail Hunt* di TER Lenggeng

PROGRAM CINTA TANI SEKOLAH MENENGAH TEKNIK ALOR SETAR DENGAN KERJASAMA JABATAN PERHUTANAN NEGERI KEDAH

Disediakan oleh: Nor Aida Suhaiza binti Abdul Raoff
Jabatan Perhutanan Negeri Kedah

ALOR SETAR, 18 NOVEMBER 2022

Program Penghijauan Malaysia melalui Kempen Penanaman 100 Juta Pokok telah bermula pada tahun 2020 hingga 2025. Sehubungan dengan itu, pelbagai program telah dilaksanakan bagi merealisasikan sasaran bagi mencapai sasaran Penanaman 100 Juta Pokok tersebut. Program Cinta Tani Pelajar Sekolah Menengah Teknik Alor Setar dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Negeri Kedah yang telah diadakan pada 17 November 2022 di sekolah tersebut. Sehingga kini, Negeri Kedah telah menanam 1.5 juta pokok mulai tahun 2021.

Melalui program tersebut, pelbagai spesies pokok telah ditanam di sekitar Sekolah Menengah Teknik Alor Setar antaranya adalah pokok Merbau (*Instia pelembanica*) dan pokok naungan/pokok Bucida (*Bucida molineti)*. Program penanaman pokok tersebut telah disempurnakan oleh Pengarah Perhutanan Negeri Kedah, Yang Berusaha Encik Muhamad bin Abdullah dan aktiviti penanaman telah dilakukan bersama para pelajar serta guru-guru sekolah tersebut.

Pokok-pokok tersebut telah ditanam di sekitar kawasan sekolah dengan jumlah penanaman sebanyak 150 pokok. Aktiviti-aktiviti penanaman pokok bersama pelajar dan warga sekolah telah mewujudkan hubungan silaturrahim yang baik antara pihak Jabatan Perhutanan Negeri Kedah dan warga sekolah. Pada masa yang sama, dapat memupuk semangat cinta alam semulajadi dan mendorong generasi muda agar suka menanam pokok untuk kelestarian kawasan pesekitaran sekolah.



Perasmian Program Cinta Tani Pelajar Sekolah Menengah Teknik Alor Setar telah dirasmikan oleh Pengarah Perhutanan Negeri Kedah



Penanaman pokok sempena Program Cinta Tani Pelajar Sekolah Menengah Teknik Alor Setar

BENGKEL *RETREAT* PEGAWAI KANAN JABATAN PERHUTANAN NEGERI JOHOR

Disediakan oleh: Mohamad Syahmil bin Sukawai
Jabatan Perhutanan Negeri Johor

BANDAR PENAWAR, 21-23 NOVEMBER 2022

Bengkel *Retreat* Pegawai Kanan Jabatan Perhutanan Negeri Johor Tahun 2022 telah diadakan pada 21 hingga 23 November 2022 bertempat di Hotel Amansari, Desaru. Bengkel *Retreat* tersebut telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Haji Salim bin Aman, Pengarah Pehutanan Negeri Johor.

Bengkel ini dianjurkan oleh Seksyen Perancangan dan Pengurusan Hutan bertujuan memberi cadangan serta menjelaskan beberapa perkara di lokasi tempat kerja berkaitan isu-isu perancangan aktiviti, kakitangan jabatan dan kemudahan-kemudahan di pejabat renjer/pejabat hutan daerah dan negeri dengan objektif dapat menyelesaikan beberapa perkara berkaitan cadangan dan menambah baik sesuatu aktiviti-aktiviti atau perancangan yang baru di pejabat-pejabat Renjer Hutan dan seksyen-seksyen di Pejabat Perhutanan Negeri Johor. Kehadiran bengkel tersebut tertumpu kepada Penolong Pegawai Pemelihara Hutan Gred 29, seramai 29 orang dan dihadiri juga Pegawai-pegawai Gred 41 ke atas seramai 15 orang.

Bengkel *Retreat* ini akan sentiasa berterusan pada setiap tahun agar pendedahan kepada perancangan dan cadangan oleh pejabat-pejabat renjer dan seksyen-seksyen Jabatan Perhutanan Negeri Johor dapat dilaksanakan dan dijayakan dari semasa ke semasa.



Pegawai-pegawai kanan Jabatan Perhutanan Negeri Johor yang turut sama menghadiri Bengkel Retreat

KEMPEN PENANAMAN 100 JUTA POKOK BERSAMA SYARIKAT TOTO MALAYSIA SDN. BHD.

Disediakan oleh: Nazri bin Sedik
Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan

GEMAS, 26 NOVEMBER 2022

Jabatan Perhutanan Negeri (JPN) Negeri Sembilan dengan kerjasama syarikat pengeluar peralatan tandas elektronik dari Jepun, Syarikat TOTO Malaysia Sdn. Bhd. yang beroperasi di Senawang, Negeri Sembilan telah menganjurkan program penanaman pokok bagi menyokong Program Penghijauan Malaysia yang menyasarkan untuk menanam 100 juta pokok menjelang tahun 2025. Program ini telah diadakan di kawasan yang dikategorikan sebagai hutan terosot yang disebabkan oleh pencerobohan bagi tujuan pertanian iaitu di Hutan Simpan Gemas Selatan.

Program ini telah disertai seramai 30 kakitangan Syarikat TOTO Malaysia Sdn. Bhd. dan diketuai oleh Ketua Jabatan Promosi Korporat dan Tanggungjawab Sosial iaitu Puan Siti Tan binti Abdullah. Sebanyak 100 anak pokok nadir dari pelbagai spesies telah ditanam dalam program ini seperti pokok Sentul, Kasai, Longan, Kuini, Asam Gelugor dan Kerdas. Program ini juga bertujuan memupuk semangat cintakan alam sekitar dikalangan kakitangan syarikat sekaligus menghijaukan bumi bagi mengurangkan kesan karbon terhadap bumi.

Bagi tahun 2022, sebanyak empat siri Program Penanaman Pokok bersama kakitangan Syarikat TOTO Malaysia Sdn. Bhd. telah berjaya dilaksanakan iaitu pada 23 Julai, 24 September, 12 November dan 26 November 2022. Sebanyak 400 pokok nadir telah berjaya ditanam dikawasan seluas lebih kurang 1.0 hektar di kawasan Hutan Simpan Gemas Selatan.



Kempen penanaman pokok bersama Syarikat TOTO Malaysia Sdn. Bhd.


Penanaman pokok bersama Syarikat TOTO Malaysia Sdn. Bhd.
dan JPN Negeri Sembilan di Hutan Simpan Gemas Selatan

PEOPLE & PLANET, ONE SMALL ACT TO HEAL THE PLANET

Disediakan oleh: Nazri bin Sedik
Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan

PORT DICKSON, 3 DISEMBER 2022

Jabatan Perhutanan Negeri (JPN) Negeri Sembilan dengan kerjasama Syarikat KJM Aluminium Can Sdn. Bhd. (Nilai) telah mengadakan program penanaman pokok bakau yang bertemakan *'PEOPLE & PLANET: ONE SMALL ACT TO HEAL THE PLANET'* bersempena Kempen Penanaman 100 Juta Pokok di seluruh Malaysia pada 3 Disember 2022 di persisiran pantai Jimah *East Power Plant*, Port Dickson. Program ini disertai oleh seramai 57 sukarelawan yang terdiri daripada kakitangan Kian Joo Group- KJM Aluminium Can Sdn. Bhd. (Nilai), KJM Aluminium Can Sdn. Bhd. (Batu Caves), KJCF Berhad dan Boxpak (Malaysia) Sdn. Bhd..

Sebanyak 150 anak pokok Bakau Kurap (*Rhizophora mucronata*) telah ditanam dalam program ini yang bertujuan menyokong Program Penghijauan Malaysia- Kempen Penanaman 100 Juta Pokok. Selain itu, program ini dianjurkan bagi memberi pendedahan kepada peserta tentang kepentingan kawasan Hutan Paya Bakau sebagai zon penampan bagi mengurangkan hakisan yang disebabkan oleh ombak dan angin kencang serta kepentingan Hutan Paya Bakau yang menjadi habitat kepelbagaian biologi hidupan akuatik seperti ketam, siput, ikan dan sebagainya.



Kempen penanaman pokok bersama Syarikat KJM Aluminium Can Sdn. Bhd.



Penanaman pokok bersama Syarikat KJM Aluminium Can Sdn. Bhd.
dan JPN Negeri Sembilan di persisiran pantai Jimah East Power Plant, Port Dickson

MAJLIS SULAMAN KASIH JUNJUNGAN BUDI SEMPENA PERSARAAN DAN MAJLIS APRESIASI KAKITANGAN JABATAN PERHUTANAN NEGERI KEDAH

Disediakan oleh: Fatin Afiqah binti Roslan
Jabatan Perhutanan Negeri Kedah

ALOR SETAR , 4 DISEMBER 2022

Majlis Sulaman Kasih Junjungan Budi Sempena Persaraan dan Majlis Apresiasi Kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Kedah Darul Aman telah disempurnakan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah, YB Dato' Haji Norizan bin Khazali di Dewan Besar Majlis Bandaraya Alor Setar, Kedah. Majlis ini merupakan inisiatif Jabatan Perhutanan Negeri Kedah bagi menghargai para pegawai dan kakitangan yang bersara serta penghargaan kepada kakitangan yang telah menunjukkan prestasi cemerlang dalam perkhidmatan.

YB Dato' Haji Norizan bin Khazali telah menyampaikan hadiah serta sijil penghargaan kepada tujuh orang kakitangan yang telah bersara dan 26 orang penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bagi tahun 2022. Majlis tersebut turut diraikan bersama Pengarah Perhutanan Negeri Kedah, Yang Berusaha Encik Muhamad bin Abdullah, Timbalan Pengarah (Pembangunan), Yang Berusaha Encik Zainuddin bin Jamaluddin, Timbalan Pengarah (Operasi), Yang Berusaha Encik Mohd Asri bin Yussof, penerima-penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, kakitangan-kakitangan persara serta warga Jabatan Perhutanan Negeri Kedah yang terlibat dalam menjayakan Majlis Sulaman Kasih Junjungan Budi Sempena Persaraan dan Apresiasi Kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Kedah.



Sesi bergambar bagi penerima-penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Jabatan Perhutanan Negeri Kedah



Sesi bergambar bagi kakitangan persara Jabatan Perhutanan Negeri Kedah



Sesi bergambar bersama warga Jabatan Perhutanan Negeri Kedah

MAJLIS PERASMIAN SEMINAR EKSPEDISI SAINTIFIK BIODIVERSITI DIRAJA TAMAN NEGERI SELANGOR BUKIT FRASER, SELANGOR

Disediakan oleh: Syed Mohd Adzha bin Syed Khalid
Jabatan Perhutanan Negeri Selangor

PETALING JAYA, 8 DISEMBER 2022

Majlis Perasmian Seminar Ekspedisi Saintifik Biodiversiti Diraja Taman Negeri Selangor Bukit Fraser, Selangor Tahun 2022 telah diadakan di Sunway Resort Hotel & Spa, Petaling Jaya, Selangor. Seminar ini telah dirasmikan oleh Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Tengku Permaisuri Norashikin binti Abdul Rahman, Tengku Permaisuri Selangor. Seramai 140 orang jemputan dan peserta telah hadir pada seminar tersebut termasuklah YBhg. Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia, YBhg. Dato' Ahmad Fadzil bin Abdul Majid, Pengarah Perhutanan Negeri Selangor, Ketua-Ketua Jabatan di peringkat Negeri dan Daerah serta agensi-agensi lain. Selain itu, YABhg. Datin Seri Masdiana binti Muhamad, Isteri kepada YAB Dato' Menteri Besar Selangor turut menghadiri majlis perasmian tersebut selaku Yang DiPertua Pertubuhan Kebajikan dan Amal Wanita Selangor (PEKAWANIS).

Seminar ini telah dianjurkan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Selangor, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dengan kerjasama Universiti Putra Malaysia. Seminar ini sepatutnya dijadualkan pada April 2020 namun terpaksa ditangguhkan berikutan situasi Pandemik COVID-19 yang membataskan pergerakan pada ketika itu. DYMM Tengku Permaisuri Selangor turut menyempurnakan pelancaran buku '*Magnificient Wild Flowers of Selangor State Park Semangko Forest Reserve*' yang ditulis oleh Pensyarah Jabatan Biologi, Fakulti Sains, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Dr. Rusea Go. Buku tersebut mempamerkan 349 spesies tumbuhan berbunga asli yang terdapat di Taman Negeri Selangor Hutan Simpan Ulu Semangko, juga dikenali sebagai Taman Negeri Selangor Bukit Fraser. Baginda juga turut berkenan melancarkan buku 'Keunikan Tersembunyi Warisan Hutan' yang mempamerkan kepelbagaian flora dan fauna di Hutan Simpan Gading, Taman Negeri Selangor.

Penganjuran seminar ini bertujuan untuk membentangkan semua hasil penemuan penyelidikan saintifik khususnya mengenai kepelbagaian orkid, tumbuhan hiasan, tumbuhan ubatan dan tumbuhan lain yang menarik yang telah ditemui sepanjang tempoh ekspedisi pada 26 sehingga 30 Ogos 2019 lalu. Sebanyak 10 daripada 21 kertas penyelidikan mengenai kepelbagaian biologi di Taman Negeri Selangor Bukit Fraser telah dibentangkan. Ekspedisi Biodiversiti Saintifik Diraja Taman Negeri Selangor Bukit Fraser, Selangor, melibatkan seramai 49 orang pakar tumbuhan dan telah mengumpul serta mengenal pasti 621 spesies tumbuhan semasa ekspedisi tersebut. Hasil penemuan yang diperolehi daripada penerokaan lapangan ini akan digunakan untuk mempertingkatkan lagi kualiti biodiversiti hutan dan menjamin pengekalan hutan di Selangor. Selain itu, kerjasama antara agensi kerajaan bersama-sama institut penyelidikan, universiti dan, sekolah dapat dipertingkatkan dalam usaha mengukuhkan aspek penyelidikan, pengajaran, pembelajaran, dan perundingan bagi memupuk kesedaran orang ramai tentang kepentingan memelihara hutan.



Sesi bergambar DYMM Tengku Permaisuri Selangor bersama tetamu yang hadir

CENVIRO MANGROVE TREE PLANTING PROGRAMME

Disediakan oleh: Nazri bin Sedik
Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan

PORT DICKSON, 10 DISEMBER 2022

Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan dengan kerjasama Syarikat Kualiti Alam Sdn. Bhd. (Cenviro Sdn. Bhd.) telah mengadakan *Cenviro Mangrove Tree Planting Programme* yang bertemakan *SHIELD Our Ecosystem* bersempena Kempen Penanaman 100 Juta Pokok di seluruh Malaysia pada 10 Disember 2022 di Jimah *Power Plant*, Port Dickson.

Program yang diadakan di Jimah *Power Plant* ini telah dirasmikan oleh Encik Wan Azrizul Azad bin Zainal Abidin-*General Manager*, *Business Services Cenviro* dan Encik Nursyamsu Rahmat bin Zainudin-*Head Of Activity Students & Career Development* MSU.

Seramai lebih kurang 252 orang peserta yang terdiri daripada kakitangan Cenviro Sdn. Bhd. dengan bersama ahli keluarga, pelajar-pelajar MSU *College* Cawangan Seremban, pelajar-pelajar MSU *College* Cawangan Shah Alam, Kakitangan MSU *College* dan pegawai serta kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri telah terlibat dalam menjayakan program tersebut.

Encik Wan Azrizul Azad bin Zainal Abidin dan semua peserta telah berjaya menanam sebanyak 500 anak pokok Bakau Kurap (*Rhizophora mucronata*) bagi menyokong Program Penghijauan Malaysia-Kempen Penanaman 100 Juta Pokok.

Program ini dianjurkan bagi memberi pendedahan kepada semua peserta terhadap kepentingan Hutan Paya Bakau sebagai benteng yang melindungi dan memelihara pantai dari hakisan ombak, menjadi habitat dan sumber makanan kepada makanan hidupan akuatik sebagaimana tema Program *SHIELD Our Ecosystem*.



Kempen penanaman pokok bersama Syarikat Cenviro Sdn. Bhd.



Penanaman pokok bersama Syarikat Cenviro Sdn. Bhd.
dan JPN Negeri Sembilan di persisiran pantai Port Dickson

BENGKEL PEMANTAPAN MALIM GUNUNG PERHUTANAN JOHOR (MGP) DAN PENYEDIAAN SOP BERKAITAN

Disediakan oleh: Asfaezzah binti Ab Karim
Jabatan Perhutanan Negeri Johor

JOHOR BAHRU, 12- 14 DISEMBER 2022

Bengkel Pemantapan Malim Gunung Perhutanan Negeri Johor telah diadakan di Hotel Millisime, Johor pada 12-14 Disember yang dirasmikan oleh YBhg. Dato' Haji Salim bin Aman, Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Johor dan turut dihadiri oleh En Mohd Yussainy bin Mohd Yusop, Pengarah Bahagian *Forest Eco-Park* & Hutan Taman Negeri, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dan En Abd. Ramlizauyahhudin bin Mahli, Timbalan Pengarah (Pembangunan), Jabatan Perhutanan Negeri Johor.

Matlamat bengkel ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan kepada peserta dalam menyediakan draf dan S*tandard Operating Procedure* (SOP) berkaitan pengurusan dan peraturan berkaitan MGP serta menambahbaik amalan dan kaedah dalam pengurusan pendaki dan pengunjung. Penyertaan adalah seramai 70 orang Malim Gunung Perhutanan Johor bersama-sama lebih kurang 20 orang pegawai-pegawai kanan dan kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Johor.

Tonggak utama bengkel yang didedahkan khusus kepada semua ahli MGP Negeri Johor adalah supaya dapat melaksanakan dan menguruskan persatuan yang memainkan peranan sebagai penggerak ekopelancongan dalam Hutan Simpanan Kekal (HSK) serta mematuhi peraturan-peraturan dan undang-undang berkaitan disamping dapat mempromosikan kawasan ekopelancongan yang menarik di dalam Hutan Simpanan Kekal Negeri Johor.



Majlis Perasmian yang disempurnakan oleh YBhg. Dato' Haji Salim bin Aman, Pengarah Perhutanan Negeri Johor


Sebahagian ahli Malim Gunung Perhutanan Negeri Johor yang hadir dalam bengkel ini



Ahli Malim Gunung Perhutanan Negeri Johor bergambar bersama YBhg. Dato' Haji Salim bin Aman dan para penceramah bengkel

PROGRAM PERASMIAN SISTEM AMARAN AWAL KEPALA AIR (SAAKA)

Disediakan oleh: Mohamad Syahmil bin Sukawai
Jabatan Perhutanan Negeri Johor

KLUANG, 22 DISEMBER 2022

Jabatan Perhutanan Negeri Johor telah mengadakan Majlis Perasmian Sistem Amaran Awal Kepala Air (SAAKA) di Taman Eko-Rimba (TER) Gunung Belumut, Kluang yang dirasmikan oleh YBhg. Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia (KPPSM). Turut hadir pada majlis ini ialah YBhg. Dato' Haji Salim bin Aman, Pengarah Perhutanan Negeri Johor (PPNJ), Prof. Ir. Dr Haslenda binti Hashim, Pengerusi *Sustainability Research Alliance*, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), wakil Pengarah Perhutanan Negeri Perak, wakil Pengarah Perhutanan Negeri Negeri Sembilan dan Pegawai-pegawai Kanan Jabatan Perhutanan Negeri Johor.

Semasa majlis ini juga, YBhg. Dato' Indera KPPSM diiringi oleh YBhg. Dato' Pengarah Perhutanan Negeri Johor dan rombongan telah dibawa melawat ke Sistem SAAKA yang terdapat di TER Gunung Belumut dan diberi penerangan tentang bagaimana sistem ini berfungsi apabila mengesan risiko kepala air.

Majlis diakhiri dengan penanaman pokok Meranti Johor (*Shorea johorensis*) oleh YBhg. Dato' Indera KPPSM yang merupakan spesis endemik di Negeri Johor dan penanaman pokok spesies Damar Hitam Kelim (*Shorea blumutensis*) oleh YBhg. Dato' Haji Salim bin Aman dan Prof. Ir. Dr. Haslenda binti Hashim yang merupakan spesies endemik di TER Gunung Belumut sebagai sokongan kepada Kempen Penanaman 100 Juta Pokok.

Semoga sistem SAAKA yang dibangunkan di Taman Eko-Rimba Negeri Johor dapat membantu mengurangkan risiko kemalangan kepada pengunjung semasa melakukan aktiviti di Taman Eko-Rimba.



YBhg. Dato' Indera Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia telah merasmikan Sistem SAAKA


YBhg. Dato' Indera Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia bergambar selepas mendengar penerangan dan demostrasi penggunaan mengesan risiko kepala air



YBhg. Dato' Indera Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia bergambar bersama pegawai kanan Jabatan Perhutanan Negeri Johor dan Kakitangan UTM

Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia,
Jalan Sultan Salahuddin, 50660 Kuala Lumpur.
Tel: 603-26164488 Faks: 603-2692 5657
Laman Sesawang: *http://www.forestry.gov.my*